Memastikan kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Pelaksana I menghadiri 7 hari kursus dalam setahun	78 % (seramai 148 orang kakitangan telah hadir latihan 7 hari daripada 192 orang kakitangan)	Kepentingan tugas		Memastikan kerjasama daripada Ketua Jabatan untuk penyertaan kakitangan dalam latihan	
Memastikan semua kakitangan menghadiri kursus sekurang-kurangnya 1 hari dalam setahun	80 % (seramai 1665 orang telah hadir latihan daripada 2105 orang kakitangan)	Kakitangan menghadapi masalah kesihatan dan pertambahan kakitangan		Memastikan kerjasama daripada Ketua Jabatan dan Pegawai Latihan jabatan bagi pelarasan latihan kepada kakitangan	
Memastikan semua pegawai / kakitangan yang hadir latihan mendapat purata markah 3 ke atas bagi penilaian kompetensi	97 % memdapat purata 3 markah ke atas	Kakitangan tidak menunjukkan prestasi yang baik selepas menghadiri latihan yang diberikan		Latihan semula kepada kakitangan yang terlebat serta pemilihan jenis latihan dan modul pembelajaran adalah selaras dengan keperluan kakitangan	

UNIT SKUAD KHAS

Latar Belakang

Unit Skuad Khas mula beroperasi secara rasminya pada tahun 2000 dan waktu perkhidmatan adalah 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Fungsi utama Unit Skuad Khas adalah untuk respon bagi menghadapi kecemasan/ bencana dan menghalang dari tercerusnya impak ke atas alam sekitar dalam kawasan pentadbiran MPSP. Ini adalah salah satu aktiviti yang didaftarkan di bawah Prosedur Pengurusan Alam Sekitar (EMS MS ISO 14001 : 2004). Skuad Khas, MPSP juga terlibat dalam Jawatankuasa Latihan Bencana Negeri di mana beberapa jabatan /agensi kerajaan bekerjasama untuk memberi bantuan semasa krisis bencana peringkat negeri.

Fungsi Unit Skuad Khas

1. Memberi tindakbalas dengan segera kepada aduan-aduan yang diterima dari Tuan YDP, Tuan SUP, PKP dan Biro Pengaduan Awam(Jabatan Kemasyarakatan).
2. Menjalankan aktiviti-aktiviti pembersihan di kawasan-kawasan bermasalah atau kawasan yang belum dikontrakkan.
3. Pembersihan segera semasa lawatan-lawatan rasmi.
4. Membantu Jabatan-Jabatan lain di MPSP dan agensi-agensi kerajaan yang lain semasa berlaku bencana alam, wabak penyakit berjangkit atau kecemasan lain.
5. Tugas-tugas khas yang diarahkan dari masa ke semasa.


Statistik Aktiviti Skuad Khas bagi Tahun 2012

Aktiviti	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Oct	Nov	Dis	Jumlah	
Pembersihan Am	90	69	88	72	73	60	61	49	50	37	47	41	737	
Pengangkutan	10	9	14	16	7	14	18	4	20	13	12	17	154	
Parit	8	18	17	14	19	8	7	24	27	15	7	14	178	
Tandas Bergerak	5	4	6	4	3	5	4	6	7	3	4	5	56	
Gotong-Royong	6	10	6	15	6	7	4	0	1	9	1	3	68	
Menebang/ Cantas Pokok	16	10	16	12	20	17	16	10	10	13	17	4	161	
Kecemasan	7	14	10	14	22	7	14	14	13	6	9	7	137	
Kompleks/Pasar	17	12	6	21	14	8	15	6	7	7	3	12	128	
Program Membasmi Denggi (Bantuan)	0	4	0	1	0	4	0	2	1	1	0	0	13	
Program Menghadapi Bencana Banjir	1	2	5	3	3	1	2	0	3	16	8	10	54	
Lain-Lain *	17	10	22	13	10	16	9	20	22	26	12	15	192	
Jumlah	17	7	162	190	185	177	147	150	135	161	146	120	128	1878

Nota : * 'Lain-Lain' terdiri daripada aktiviti :- menghapus Kumbang Rove, sarang tebuan/lebah, semut dll serangga perosak /merbahaya, menghantar Buletin Mutiara ke pusat-pusat pengedaran, bantuan operasi meroboh (Direktorat), bantuan bekalan air, bantuan kepada lain-lain agensi kerajaan / organisasi semasa kecemasan atau bencana alam (tertakluk arahan) dsb.

Secara puratanya didapati Skuad khas Menghadapi 5 Kes baru setiap hari tidak termasuk kes-kes yang memerlukan kerja dilaksanakan selama beberapa hari dengan kekuatan sebanyak 50 Orang pekerja (2 Mandor + 13 pemandu + 35 pekerja Am) kerja dilaksanakan dalam 3 syif sepanjang tahun 2012.

Statistik 10 Tahun Unit Skuad Khas



Tahun	Jumlah Kes
2003	1464
2004	1514
2005	1798
2006	1570
2007	1306
2008	1162
2009	1267
2010	1271
2011	1787
2012	1878

Berdasarkan statistik diatas didapati bahawa perkhidmatan Unit Skuad Khas telah menjadi sebuah keperluan bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk memberikan perkhidmatan terbaik buat masyarakat tempatan. Oleh hal demikian, kepakaran pekerja Skuad Khas perlulah ditingkatkan berserta peningkatan keperluan perkhidmatan Unit Skuad Khas pada tahun-tahun yang mendatang.

BAHAGIAN KAUNTER BERPUSAT

FUNGSI UTAMA


Berfungsi sebagai platform utama penyampaian perkhidmatan setempat kepada pelanggan & “stakeholders” dengan mengaplikasikan sistem “multiskill” bagi menyediakan perkhidmatan kaunter terbaik sejajar dengan Misi Perkhidmatan Pelanggan MPSP

“MPSP komited untuk mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan”

STRUKTUR BAHAGIAN KAUNTER BERPUSAT




STATISTIK KEDATANGAN PELANGGAN KE BAHAGIAN KAUNTER BERPUSAT



Tahun 2010	Tahun 2011	Tahun 2012
167494 orang	168761 orang	170110 orang

PEMBUKAAN KAUNTER PEJABAT CAWANGAN KAMPUNG JAWA

Pejabat Cawangan Kg.Jawa secara rasminya telah mula beroperasi pada 2 Julai 2012 yang mana telah berpindah daripada Pejabat Lama MPSP di Jalan Abdullah Tahir, Butterworth. Perpindahan kaunter cawangan ini adalah kerana bangunan lama MPSP akan disewa kepada AUCMS untuk pembukaan Kolej Perubatan. Sejakar dengan keperluan seluruh penduduk Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara kaunter cawangan ini dibuka untuk memberi kemudahan perkhidmatan MPSP kepada penduduk dan stakeholder sekitar. Sistem operasi kaunter ini juga telah dinaiktaraf yang mana dahulunya menggunakan kutipan secara manual menggunakan mesin RM 20 telah dinaiktaraf kepada sistem kutipan secara berkomputer. Hal ini adalah amat relevan sejarah dengan perkembangan teknologi terkini dan juga sekaligus memudahkan cara kakitangan untuk membuat kutipan hasil MPSP dan pelaporan penutupan akaun adalah lebih cekap dan efisyen. Kaunter cawangan ini beroperasi pada hari Isnin hingga Khamis bermula jam 7.30 pagi sehingga jam 5.30 petang. Terdapat juga perkhidmatan Jabatan Kesihatan iaitu menawarkan suntikan kepada pengendali makanan dan juga Jabatan Pelesenan yang menyediakan perkhidmatan penerimaan permohonan lesen-lesen perniagaan MPSP.



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Fungsi Bahagian Teknologi Maklumat

1. Bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penyelenggaraan peralatan, perisian dan rangkaian komputer serta yang berkaitan dengannya, yang menjadi kepunyaan Majlis termasuk cawangan-cawangannya. Maklumat terperinci adalah seperti di bawah :

Bil.	Jenis Peralatan/Perisian/Lain-lain	Bilangan
i	Komputer Desktop	600
ii	Komputer Notebook	38
iii	TV	5
iv	Pencetak	91
v	Ipad	31
vi	Komputer Pelayan (Server) dan yang berkaitan	
	- Web server	1
	- Mail server	1
	- Domain server	2
	- Server (BM)	1
	- Server (NT)	1
	- Server (Mahkamah)	1
	- Firewall	1
	- Router	7
	- HP RX2620 (database server)	1
	- Antivirus server	1
	- Hub/Switch	30
	- Application Server	10
	- WSUS Server (Windows Update Services)	1
	- Virtualization Server	1
vii	Sistem Rangkaian Majlis	
	- Leased Line	4
	- Wireless LAN	9
	- Streamyx 1 mbps	6
	- Metro E 4 mbps	1
	- Wireless Broadband	2
viii	Perisian	20

2. Mengurus pembelian komputer dan pencetak baru untuk semua jabatan di Majlis seperti di maklumat berikut :

Peralatan	Jumlah (unit)	Kos (RM)
Komputer	80	182,800
Pencetak	23	32,408

3. Mengurus pembelian dan pengagihan dakwat pencetak (ink/toner) kepada semua jabatan di Majlis melibatkan kos seperti berikut :

Kos (RM)
84,545

4. Mengurus dan membaikpulih CPU dan pencetak yang rosak seperti di maklumat berikut:

Jenis Peralatan	Jumlah (unit)
CPU	190
Pencetak	7

5. Menaiktaraf rangkaian komputer di ibu pejabat dan pejabat-pejabat cawangan seperti maklumat berikut :

Ibu Pejabat / Cawangan
Ibu Pejabat Bandar Perja
Pejabat Cawangan Jawi
Pejabat Cawangan Jalan Betik, Bukit Mertajam
Puskeb
Tapak Semaian
PTZ

6. Menjaga dan menyelenggara mesin ‘Handpunch’ untuk memantau kehadiran kakitangan Majlis :

Lokasi Mesin Handpunch	Bilangan Mesin Handpunch
Basement	1
Lobi	2
Cawangan Jalan Betik	1
Jumlah	4

7. Memasang mesin ‘Thumb Print’ di pejabat-pejabat cawangan seperti di bawah dan seterusnya mendaftar kakitangan di cawangan-cawangan tersebut untuk membolehkan pemantauan kehadiran dilakukan.

Cawangan
Jawi
Ampang Jajar
Kampung Jawa

8. Mendaftar setiap kakitangan baru yang perlu menggunakan mesin ‘Handpunch’ dan ‘Thumbprint’.
9. Melaksanakan Virtualization Server terhadap 6 unit server sedia ada di Bilik Server bagi mengurangkan penggunaan sumber serta memudahkan pengurusan.
10. Bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penyelenggaraan peralatan Audio Visual di Auditorium.
11. Bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penyelenggaraan komputer dan LCD di semua bilik mesyuarat termasuk bilik Ahli Majlis.
12. Bertanggungjawab terhadap pengurusan pemasangan dan penyelenggaraan WIFI di lobi, bilik-bilik mesyuarat dan Auditorium.
13. Bertanggungjawab terhadap pengurusan pemasangan dan penyelenggaraan keseluruhan peralatan CCTV di Majlis.

14. Mengawal peralatan komputer Majlis untuk dibuat pelupusan serta menyimpan maklumat berkaitan. Berikut adalah maklumat peralatan komputer yang dilupuskan :

Jenis Peralatan	Jumlah (unit)
Monitor	29
CPU	19
Pencetak	18
Scanner	2

15. Menyediakan Borang Pembelian dan Inden bagi pembelian peralatan komputer dan pencetak serta bayaran bagi pembangunan dan penyelenggaraan sistem-sistem untuk keseluruhan jabatan.
16. Membantu menyelesaikan masalah penggunaan peralatan komputer dan pencetak bagi kakitangan yang menghadapi masalah berkaitannya.
17. Memastikan Bilik Latihan Komputer serta semua peralatan komputer yang terdapat di dalamnya berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada bila-bila masa.
18. Bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penyelenggaraan semua peralatan di dalam Bilik Server.

BAHAGIAN SISTEM DAN LAMAN WEB

1. Laman Web Majlis

- a) Menambahbaik laman web Majlis untuk kemudahan warga Seberang Perai .
- b) Mengemaskini maklumat dalam tempoh 2 hari dari penerimaan maklumat sejajar dengan prosedur iso Bahagian Teknologi Maklumat.
- c) Menyalurkan maklumbalas/aduan pengunjung kepada jabatan yang berkaitan dalam tempoh 3 hari seperti yang telah digariskan oleh pihak MAMPU.
- d) Menambah cara penyaluran maklumat kepada pengunjung laman web dan sahabatMPSP melalui penghantaran ‘Newsletter’.
- e) Menyediakan laporan statistik pengemaskinian laman web (sebulan sekali) dan laporan prestasi pembekal (6 bulan sekali).

2. Laman Intranet (MPSPnet)

- a) Membangunkan laman intranet baru iaitu MPSPnet dengan penambahbaikan dari segi rekabentuk dan penambahan maklumat yang lebih padat serta mesra pengguna.
- b) Penyelenggaraan dan penambahan maklumat terhadap MPSPnet dilakukan dari masa ke semasa.

3. Pertandingan laman web antara jabatan di Majlis

- a) Mengadakan latihan pembangunan laman web dengan menggunakan perisian Joomla kepada semua jabatan.
- b) Penilaian dan pemarkahan dibuat terhadap semua laman web jabatan dan seterusnya pemenang diberikan hadiah berupa piala dan wang tunai.

4. Pembangunan sistem-sistem baru untuk kegunaan beberapa jabatan:-

- a) Sistem Sahabat MPSP
- b) Sistem ‘Digital Whiteboard’ – Teknologi Maklumat
- c) Sistem ‘Digital Whiteboard’ – Khidmat Pengurusan
- d) Sistem Klinik Panel

5. Penyelenggaraan sistem-sistem sediaada untuk kegunaan beberapa jabatan:-

- a) Sistem Gotong-Royong
- b) Sistem e-Jawatan
- c) Sistem Kehadiran
- d) Sistem Cuti
- e) Sistem Surat Kakitangan
- f) Sistem Penyimpanan Rekod Dan Pengisyiharan Harga
- g) Sistem Penyimpanan Rekod Pegawai Yang Membuat Lawatan Keluar Negara
- h) Pemantauan Kehadiran Kakitangan Bagi Setiap Jabatan
- i) Sistem Permit Kanopi
- j) Sistem Premis Makanan
- k) Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat
- l) Paparan aktiviti/ahlimajlis/pengarah di TV (Lobi)

6. Membuat salinan (Backup) data dan sistem aplikasi seperti berikut :
 - a) ‘Daily Backup’ – salinan data dilakukan setiap hari secara otomatik ke dalam ‘tape’ dan dihantar setiap hari ke Bank.
 - b) ‘Full Backup’ – salinan data dilakukan sebulan sekali secara manual ke dalam ‘tape’ dan dihantar ke Bank.
 - c) Salinan sistem aplikasi dilakukan setiap hari secara otomatik ke ‘Synology Backup Server’.
7. Mengurus sejumlah 321 ‘Mailbox’ kakitangan Majlis merangkumi pendaftaran ‘mailbox’ untuk kakitangan baru dan menghapus ‘mailbox’ kakitangan yang telah tamat perkhidmatan.



JABATAN UNDANG-UNDANG

i. Pengenalan Jabatan Undang-Undang

Jabatan Undang-Undang merupakan salah satu daripada 15 jabatan di Majlis Perbandaran Seberang Perai. Ianya bertanggungjawab memberi nasihat perundangan, membuat dan menggubal undang-undang kecil untuk MPSP, seterusnya menguatkuasa undang-undang di dalam kawasan pentadbiran MPSP termasuklah mengeluar kompaun dan mengambil tindakan mahkamah.

ii. Latar Belakang

Jabatan Undang-Undang adalah salah sebuah komponen jabatan yang terpenting di Majlis Perbandaran Seberang Perai. Jabatan ini telah diwujudkan pada tahun 1973 yang dikenali sebagai Bahagian Undang-Undang, terletak di bawah pentadbiran Sekretariat.


Pada Julai 1974, Bahagian Undang-Undang telah dibentuk menjadi satu jabatan berasingan daripada Bahagian Sekretariat yang kini dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang. Pembentukan Jabatan Undang-Undang menjadi satu jabatan yang berasingan ini adalah ekoran percantuman tiga buah Majlis Daerah yang terdapat di Seberang Perai ini iaitu Majlis Daerah Utara, Tengah dan Selatan, yang kemudiannya telah diistiharkan sebagai Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 15 Disember 1976.

Dari tahun 1976 sehingga 1998, Jabatan Undang-Undang mempunyai beberapa unit lain di bawah pentadbirannya seperti Bahagian Merinyu Timbang dan Sukat, Unit Penguatkuasa dan Unit Keselamatan, tetapi mulai 1 Mac 1998, Jabatan Undang-Undang telah menjadi sebuah jabatan yang khusus mengendalikan hal-ehwal undang-undang sahaja tanpa ketiga-tiga bahagian di atas.

Pada 3 Januari 2006 Bahagian Penguatkuasa dan Pengawal Keselamatan termasuk sebahagian Jabatan Undang-Undang. Pada masa tersebut, Jabatan Undang-Undang diketuai oleh seorang Pengarah dan mempunyai seramai seratus tujuh puluh lapan orang kakitangan yang terdiri daripada dua orang Penolong Pengarah, dua orang Pembantu Undang-Undang, seorang Penolong Pegawai Tadbir, tiga orang Penolong Pegawai Penguatkuasa, tujuh orang Pegawai Kerani, seratus empat puluh satu Pembantu Penguatkuasa (Polis Bantuan seramai dua puluh sembilan orang), sembilan belas orang pengawal keselamatan, seorang Jurutaip, dua orang Penghantar Notis dan seorang Pembantu Am Rendah.


Mulai 1 Julai 2010, Bahagian Penguatkuasa dan Keselamatan dikeluarkan dari Jabatan Undang-Undang. Polis Bantuan dikekalkan di Jabatan Undang-Undang. Kini Jabatan Undang-Undang hanya mengendalikan hal-ehwal perundangan dan urusan polis bantuan sahaja. Terdapat empat unit di bawah pentadbiran Jabatan Undang-Undang iaitu Bahagian Pentadbiran, Pendakwaan, Gubalan dan Nasihat dan Polis Bantuan.

CARTA ORGANISASI JABATAN UNDANG-UNDANG



iii. Carta Organisasi (pecahan Bahagian / Unit sahaja)

CARTA ORGANISASI JABATAN UNDANG-UNDANG



2. PERANAN/FUNGSI JABATAN

i. Fungsi Jabatan

Jabatan Undang-Undang bertanggungjawab memberi nasihat perundangan, membuat dan menggubal undang-undang kecil untuk Majlis, menyemak semua dokumen perundangan dan surat perjanjian serta menguatkuaskan undang-undang di dalam kawasan pentadbiran Majlis.

Antara tugas lain di Jabatan Undang-Undang ialah menyelaras kes sivil yang dibawa oleh dan terhadap MPSP, urusan keselamatan MPSP dan bantuan prosiding Mahkamah Municipal serta urusan kawalan lalulintas di pasar-pasar awam, "*park and ride*" dan majlis-majlis rasmi anjuran Kerajaan Negeri dan MPSP.

ii. Objektif Jabatan

Objektif jabatan adalah untuk memastikan seluruh warga kerja MPSP dan orang ramai terlibat secara menyeluruh dalam penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan adil dan tegas.

Memberi kefahaman undang-undang kepada warga kerja MPSP serta menyediakan secukupnya bahan bacaan, rujukan undang-undang dan peraturan untuk kegunaan warga kerja MPSP dan warga perbandaran.

Selain daripada itu, hasrat jabatan adalah untuk memastikan semua peringkat terlibat dalam usaha penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni serta mendaulatkan undang-undang Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Dengan memupuk nilai integriti, kredibiliti, akauntabiliti dan mesra rakyat akan melahirkan warga kerja MPSP yang profesional, berkualiti dan berilmu dalam memperkasakan tugas dan tanggungjawab.

iii. Undang-Undang/peraturan yang digunakan :

- Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974
- Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Akta Perancangan Bandar & Desa 1976
- Akta Makanan 1983
- Akta Pengangkutan Jalan 1987
- Akta Zon Bebas 1990

UNDANG-UNDANG KECIL YANG TELAH DIWARTAKAN

- Undang-Undang Kecil Kedai Makanan Dan Kedai Kopi Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974
- Undang-Undang Kecil Perniagaan Yang Merbahaya, Tidak Sihat Atau Yang Mengganggu Dan Setal-setal, Kerajaan Tempatan, Seberang Perai 1974
- Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran, Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1975
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1977
- Undang-Undang Kecil (Larangan Merokok Dalam Panggung) Seberang Perai, 1978
- Undang-Undang Kecil (Rumah Urut) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1978
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) Jalan, Parit Dan Bangunan 1980
- Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1980
- Undang-Undang Kecil Bayaran Pelan, 1981
- Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1982
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986
- Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
- Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
- Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1990
- Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991
- Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991
- Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991

- Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992
- Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992
- Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
- Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
- Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1994
- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan Dan Tatatertib) 1995


PERINTAH-PERINTAH YANG TELAH DIWARTAKAN DI BAWAH AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

- Perintah Majlis Perbandaran Seberang Perai, Padang Kereta (Peruntukan Am) 1983
- Perintah Lalulintas Jalan (Tempat Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Seberang Perai 1995

LAPORAN PRESTASI UNIT PENTADBIRAN

A. CARTA ORGANISASI UNIT PENTADBIRAN

Unit Pentadbiran terdiri daripada seorang Penolong Pegawai Tadbir Kanan, dua orang Penolong Pegawai Tadbir, seorang Pembantu Tadbir Kanan dan dibantu oleh empat orang Pembantu Tadbir.



B. TUGAS-TUGAS UNIT PENTADBIRAN :

Unit ini ditugaskan menguruskan pentadbiran am Jabatan termasuklah :

- Menyelaraskan kes-kes sivil terhadap dan oleh MPSP,
- Melantik panel peguam Majlis,
- Menguruskan inventori Jabatan,
- Menyelenggara rekod cuti dan tata tertib kakitangan Jabatan Undang-undang dan Mahkamah Municipal,
- Mengurus bil-bil Jabatan,
- Menguruskan belanjawan Jabatan,
- Mengendalikan aduan Jabatan,
- Mengurus dan menyelenggara fail-fail Jabatan,
- Memantau pelaksanaan Piagam Pelanggan dan Kualiti Jabatan,
- Membuat semakan perjanjian di bawah pemantauan Unit Gubalan Dan Nasihat dan,
- Merekod dan menyimpan dokumen perjanjian yang sempurna.

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian prestasi semua proses kerja yang telah dilaksanakan oleh Unit Pentadbiran bagi Tahun 2009 hingga tahun 2012 :-

BIL	PERKARA	JUMLAH			
		Tahun			
		2009	2010	2011	2012
1.	<p>Menyelenggara rekod cuti serta disiplin dan tata tertib untuk kakitangan Jabatan Undang-Undang termasuk Mahkamah.</p> <p>Nota : Tahun 2009 = 180 kakitangan Tahun 2010 = 44 kakitangan Tahun 2011 = 45 kakitangan Tahun 2012 = 55 kakitangan</p> <p>(Mulai 1 Julai 2010 - rekod tidak melibatkan kakitangan Bahagian Pengukuasaan)</p>	2,149 rekod	1,644 rekod	1,128 rekod	1165 rekod
2.	Menguruskan inventori ■ Penyelenggaraan pengurusan stok	1,500 urusan	1,145 urusan	682 urusan	754 urusan

3.	Mengurus bil-bil bayaran perbelanjaan Jabatan ■ Bayaran penginapan dan pengangkutan Pegawai ■ Bayaran pembelian buku, warta, majalah, dokumen perundangan ■ Kes-kes rujukan otoriti ■ Penyelenggaraan sistem “online” perundangan (Lawnet, MLJ & CLJ) ■ Pembayaran kepada Pembekal	53 bil	106 bil	84 bil	129 bil
4.	Mengurus fail-fail aktif Jabatan ■ Ambil fail ■ Rekod minit ■ Tentukan jenis fail	631 fail	654 fail	669 fail	715 fail
5.	Surat-menyurat (surat keluar dan surat masuk) dan jawapan	3,837 surat	5,248 surat	7,713 surat	7,952 surat
6.	Menguruskan aduan melalui Sistem Aduan MPSP dan surat	644 kes	507 kes	32 kes	33 kes
7.	Merekod dan menyimpan dokumen perjanjian yang telah dimuktamadkan	137 dokumen	101 dokumen	96 dokumen	176 dokumen
8.	Laporan butiran belian minyak (sebulan sekali)	12 kali (RM59,276.93)	12 kali (RM59,062.96)	12 kali (RM79,463.83)	12 kali (RM87,805.47)
9.	Menguruskan kompaun 1- Kompaun letak kereta 2- Kompaun halangan Jumlah	50,231 kes 628 kes 50,859 kes	42,543 kes 699 kes 43,242 kes	42,703 kes 1,159 kes 43,862 kes	96,763 kes 2,016 kes 98,779 kes
10.	Penyediaan kronologi kes sivil	71 kes	64 kes	59 kes	27 kes

11.	Menguruskan kes-kes cukai taksiran ■ 8 orang panel peguam	426 kes	122 kes	624 kes	624 kes (Ditangguh sehingga arahan selanjutnya oleh Pengarah Perbendaharaan)
12.	Menguruskan panel peguam MPSP	10 firma	9 firma	9 firma	8 firma
13.	Maklumbalas mesyuarat	87 maklumbalas	74 maklumbalas	47 maklumbalas	66 maklumbalas
14.	Menyemak semua dokumen perjanjian dan semua transaksi yang dibuat oleh MPSP dengan pihak ketiga	45 kes	63 kes	50 kes	117 kes

Selain itu, Unit Pentadbiran juga bertanggungjawab ke atas pencapaian sasaran Piagam Pelanggan Jabatan Undang-Undang yang melibatkan proses memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam **tempoh 14 hari**.

Pada tahun 2009, unit ini telah menerima sebanyak 36 perjanjian untuk disemak. Unit ini telah berjaya menyelesaikan sebanyak 78% semakan perjanjian.

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2009

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap		Belum Siap		% Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
1	Memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh 21 hari	36	27	8	1	0	78%

*Peratus tidak dicapai sebanyak 22% disebabkan oleh Jabatan Undang-Undang menunggu tambahan syarat pelupusan sisa buangan hasil penyembelihan babi, masalah kesukaran mendapatkan tandatangan Ahli majlis, kontraktor lewat hantar surat socso dan rombakan kerja kakitangan dalam Jabatan.

Pada tahun 2010, unit ini telah menerima sebanyak 62 perjanjian untuk disemak dan telah berjaya menyelesaikan sebanyak 98% semakan perjanjian.

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2010

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap		Belum Siap		% Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
1	Memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh 21 hari (Perjanjian yang disemak hendaklah siap dalam tempoh 19 hari dan dikembalikan kepada Jabatan berkaitan dalam tempoh 2 hari setelah ditandatangani dan dimatikan setem)	62	56	1	5	0	98%

*Peratus tidak dicapai sebanyak 2 % disebabkan oleh pegawai berkaitan cuti sakit selama 5 hari.

Peningkatan pencapaian prestasi unit ini amat ketara setelah membuat langkah penambahbaikan ke atas pecahan tempoh semakan perjanjian iaitu perjanjian yang disemak hendaklah siap dalam tempoh 19 hari dan dikembalikan kepada Jabatan berkaitan dalam tempoh 2 hari setelah ditandatangani dan dimatikan setem. Hasil penambahbaikan yang dilakukan bagi tahun 2010, unit ini telah berjaya menyelesaikan sebanyak 98% semakan perjanjian.

Mulai bulan Januari 2011, tempoh semakan perjanjian dipendekkan kepada 14 hari iaitu perjanjian yang disemak hendaklah siap dalam tempoh 12 hari dan dikembalikan kepada Jabatan berkaitan dalam tempoh 2 hari setelah ditandatangani dan dimatikan setem. Berikut adalah laporan piagam pelanggan Jabatan Undang-Undang bagi tahun 2011 :

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2011

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap		Belum Siap		% Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
1.	Memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh 14 hari (Perjanjian yang disemak hendaklah siap dalam tempoh 12 hari dan dikembalikan kepada Jabatan berkaitan dalam tempoh 2 hari setelah ditandatangani dan dimatikan setem)	50	36	1	13	0	98%

*Peratus tidak dicapai sebanyak 2% kerana terlibat dengan cuti pada hari sabtu dan ahad. Jumlah hari yang tidak dicapai hanya dua hari sahaja pada bulan April 2011.

Pada tahun 2012, unit ini telah menerima sebanyak 116 perjanjian untuk disemak dan telah berjaya menyelesaikan sebanyak 100% semakan perjanjian.


LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2012

Bil	Piagam / Standard	Jumlah Diterima	Siap		Belum Siap		% Dicapai
			Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai	
1.	<p>Memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh 14 hari</p> <p>(Perjanjian yang disemak hendaklah siap dalam tempoh 12 hari dan dikembalikan kepada Jabatan berkaitan dalam tempoh 2 hari setelah ditandatangani dan dimatikan setem)</p>	116	106	0	10	0	100%

LAPORAN PENCAPAIAN TAHUN 2012

UNIT GUBALAN DAN NASIHAT

A. CARTA ORGANISASI UNIT GUBALAN DAN NASIHAT



B. TUGAS-TUGAS UNIT GUBALAN DAN NASIHAT

1. **Pewartaan** undang-undang kecil termasuk pewartaan bajet, penyata kewangan tahunan dan laporan audit MPSP, cagaran yang tidak dituntut, notis dan pemberitahuan.
2. **Meminda, mengubal dan memansuhkan** Undang-Undang Kecil, Peraturan, Perintah dan Kaedah.
3. **Mendraf, menyediakan dan/atau menyemak dokumen perjanjian.**
4. Memberi **nasihat perundangan** kepada MPSP.

C. PENCAPAIAN UNIT GUBALAN DAN NASIHAT BAGI TAHUN 2012

Jadual berikut menyenaraikan pencapaian Unit Gubalan dan Nasihat bagi tahun 2012.

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	NOTIS TUNTUTAN <input type="checkbox"/> Tuntutan Tuggakan Sewa Rumah Kedai MPSP (2) <input type="checkbox"/> Tuntutan Bayaran Gaji Terlebih Bayar (1)	3
2.	NOTIS PEWARTAAN PELUPUSAN KENDERAAN RAMPASAN	1
3.	NOTIS TUKARGUNA BANGUNAN (BORANG)	1
4.	SURAT-SURAT KUASA <input type="checkbox"/> Surat Kuasa Di Bawah Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Sek. 5) (10) <input type="checkbox"/> Pemberian Kuasa Menjalankan Pendakwaan di Mahkamah Sesyen / Majistret di Pulau Pinang [Sek 377(b) Kanun Tatacara Jenayah (Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Bab 6)] (2)	12
5.	PEWARTAAN BAJET MPSP	1
6.	PEWARTAAN PENYATA KEWANGAN TAHUNAN DAN LAPORAN AUDIT MPSP	1
7.	PEWARTAAN KENDERAAN TIDAK DITUNTUT DARI MPSP	1
8.	PEWARTAAN TINDAKAN KELAKUAN DAN TATATERTIB KAKITANGAN MPSP <input type="checkbox"/> Tidak Hadir Bertugas Tanpa Cuti Dan Tidak Boleh Dikesan	3
9.	PEWARTAAN NOTIS JALAN SEHALA	3
10.	PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL MPSP <input type="checkbox"/> Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Seberang Perai (Pindaan) 2013 i. Seberang Perai Utara – 10 Kawasan Tempat Meletak Kereta <input type="checkbox"/> Undang Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Seberang Perai) (Pindaan) 2012	2
11.	SEMAKAN PERJANJIAN UNTUK JABATAN-JABATAN DI MPSP 1. Jabatan Khidmat Pengurusan 2. Jabatan Perbendaharaan 3. Jabatan Kemasyarakatan 4. Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta 5. Jabatan Pelesenan 6. Jabatan Kejuruteraan 7. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran 8. Jabatan Undang-Undang 9. Jabatan Bangunan 10. Direktorat Penguatkuasaan 11. Jabatan Perkhidmatan Kesihatan 12. Bahagian Teknologi Maklumat	116

BIL	PERKARA	JUMLAH
12.	PENYEDIAAN PERJANJIAN UNTUK JABATAN-JABATAN DI MPSP	30
	1. Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	21
	2. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran	5
	3. Jabatan Kejuruteraan	4
13.	NASIHAT PERUNDANGAN	78
	1. Jabatan Khidmat Pengurusan	4
	2. Jabatan Perbendaharaan	6
	3. Jabatan Kemasyarakatan	3
	4. Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	19
	5. Jabatan Pelesenan	3
	6. Jabatan Kejuruteraan	6
	7. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran	1
	8. Jabatan Bangunan	4
	9. Direktorat Penguatkuasaan	4
	10. Jabatan Perancang Bandar	5
	11. Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	3
	12. Pejabat Tuan YDP/SUP	17
	13. Pembangunan Korporat	3

LAPORAN PRESTASI UNIT PENDAKWAAN

VISI

Mempastikan setiap kes yang di hantar ke Jabatan Undang-Undang di daftar ke Mahkamah.

MISI


Menegak keadilan.

OBJEKTIF PENDAKWAAN

1. Memastikan semua kesalahan yang dilakukan diambil tindakan Mahkamah dengan adil dan saksama.
2. Menjalankan pendakwaan dengan sebaik mungkin tanpa menjelaskan kepentingan awam.
3. Mewujudkan sistem pendakwaan yang diukur dengan standard keadilan, akuantabiliti dan kecekapan.
4. Mempertingkatkan mutu perkhidmatan ke arah yang lebih dinamik, budaya kerja cemerlang dan bertanggungjawab.
5. Menyediakan maklumat yang diperlukan oleh orang ramai dengan cepat dan telus.

CARTA ORGANISASI UNIT PENDAKWAAN

Unit Pendakwaan pada masa ini adalah terdiri dari seorang Penolong Undang-Undang dan dua orang Pembantu Tadbir serta dua orang Penghantar Notis. Pegawai Notis.



AKTIVITI UTAMA UNIT PENDAKWAAN

1. Menguatkuasakan undang-undang yang diterimapakai oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai;
2. Menjalankan pendakwaan di Mahkamah;
3. Menyedia dan menyemak kertas aduan, pertuduhan dan saman.

Berikut adalah pencapaian prestasi dan proses kerja yang telah dilaksanakan oleh kakitangan Unit Pendakwaan sepanjang tahun 2009, 2010, 2011 dan 2012 :

DAFTAR KES LETAK KERETA

Bulan	2009	2010	2011	2012
Januari	574	460	375	178
Februari	961	19	201	584
Mac	1272	42	484	499
April	728	261	528	514
Mei	810	1120	350	270
Jun	267	560	658	570
Julai	156	271	526	506
Ogos	252	352	733	541
September	307	218	552	319
Oktober	577	711	451	393
November	291	602	204	356
Disember	280	596	386	422
JUMLAH	6,475	5,212	5,448	5,152

DAFTAR KES KERJA TANAH

Bulan	2009	2010	2011	2012
Januari	4	0	0	0
Februari	3	0	3	7
Mac	0	3	0	0
April	3	0	0	6
Mei	0	7	10	0
Jun	0	7	5	6
Julai	0	16	3	3
Ogos	0	0	9	8
September	0	0	7	0
Oktober	0	4	14	4
November	0	15	11	6
Disember	0	0	20	0
JUMLAH	10	52	82	40

DAFTAR KES PELESENAN

Bulan	2009	2010	2011	2012
Januari	2	5	12	0
Februari	8	0	10	7
Mac	6	15	0	0
April	1	0	6	1
Mei	0	16	3	1
Jun	0	0	9	1
Julai	8	29	3	5
Ogos	14	0	5	0
September	15	0	4	0
Oktober	12	0	0	6
November	10	19	4	2
Disember	10	0	1	2
JUMLAH	86	84	57	25

**DAFTAR KES MEMUNGUT WANG LETAK KERETA
TANPA KEBENARAN**

Bulan	2009	2010	2011	2012
Januari	7	0	0	0
Februari	0	0	0	0
Mac	4	0	0	0
April	1	0	0	0
Mei	0	0	0	0
Jun	4	0	0	0
Julai	0	0	0	0
Ogos	0	0	0	0
September	0	0	0	0
Oktober	0	0	0	0
November	2	0	0	0
Disember	1	0	0	0
JUMLAH	19	0	0	0

KOMPAUN KERJA TANAH 2011

Kompaun Dikeluarkan	Bayar		Tindakan Mahkamah	Batal
	Jumlah	RM		
2011				
Jan	9	9	7500	0
Feb	7	1	3500	4
Mac	45	7	23300	6
April	12	10	6700	3
Mei	1	0	0	0
Jun	7	0	0	7
Julai	16	2	4000	6
Ogos	25	5	11500	2
Sept	15	5	8000	6
Okt	23	4	10000	4
Nov	8	0	0	4
Dis	19	0	0	6
Jumlah	187	43	74500	48
				2

KOMPAUN KERJA TANAH 2012

Kompaun Dikeluarkan	Bayar		Tindakan Mahkamah	Batal
	Jumlah	RM		
2012				
Jan	14	14	5,800.00	-
Feb	12	12	6,000.00	7
Mac	1	1	2,000.00	-
April	7	7	11,500.00	6
Mei	1	1	2,000.00	-
Jun	1	1	1,000.00	6
Julai	3	3	6,000.00	6
Ogos	-	-	-	8
Sept	1	1	3,000.00	-
Okt	6	6	12,500.00	4
Nov	1	1	2,000.00	6
Dis	3	3	4,500.00	-
Jumlah	50	50	56,300.00	43
				12

KUTIPAN KEW. 38 2011

TAHUN / BULAN	LETAK KERETA	KERJA TANAH	BYRN LESEN	BYRN P'JAM'N	SALIN' UUK	KOMP HLGN	KOMP EH	KUNCI TAYAR
JAN	13570	14000	0	0	0	0	0	0
FEB	10045	2000	0	0	0	0	0	0
MAC	6550	11000	0	0	0	0	0	0
APR	5880	14500	0	0	0	0	0	0
MEI	3550	7700	0	0	0	0	0	0
JUN	5980	14000	0	0	0	0	0	0
JUL	5510	4000	0	0	0	0	0	0
AUG	4420	2000	0	0	0	0	0	0
SEP	6380	15500	0	0	0	0	0	0
OKT	4750	6000	0	0	0	0	0	0
NOV	4960	4000	0	0	0	0	0	0
DIS	4460	26580	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	76055	121280	0	0	0	0	0	0

KUTIPAN KEW. 38 (TAHUN 2012)

TAHUN / BULAN	LETAK KERETA (RM)	KERJA TANAH (RM)	BYRN LESEN (RM)	BYRN PINJ. (RM)	SALINAN UUK (RM)	R'PASAN (RM)	KOMPAUN HALANGAN (RM)	KOMPAUN ENK. HIB (RM)	KUNCI TAYAR (RM)	JUMLAH (RM)
JAN	2,780.00	5,800.00	-	-	-	-	-	-	-	8,580.00
FEB	5,470.00	6,000.00	-	-	-	-	-	-	-	11,470.00
MAC	4,330.00	2,000.00	-	-	-	-	-	-	-	6,330.00
APR	1,200.00	11,500.00	-	-	-	-	-	2,000.00	-	14,700.00
MEI	2,440.00	2,000.00	-	-	-	-	-	-	-	4,440.00
JUN	3,140.00	-	-	-	-	-	32,480.00	-	-	35,620.00
JUL	2,800.00	6,000.00	-	-	-	-	-	-	-	8,800.00
OGOS	2,165.00	-	-	-	-	-	-	-	-	2,165.00
SEP	3,270.00	3,000.00	-	-	-	-	-	-	-	6,270.00
OKT	4,460.00	12,500.00	-	50.00	-	-	-	-	-	17,010.00
NOV	2,070.00	2,000.00	-	-	-	-	200.00	100.00	-	4,370.00
DIS	4,040.00	4,500.00	-	-	-	6,500.00	100.00	-	-	15,140.00
JUM	38,165.00	55,300.00	-	50.00	-	6,500.00	32,780.00	2,100.00	0.00	134,895.00

JUMLAH KUTIPAN KEW. 38 BAGI TAHUN 2009, 2010, 2011 DAN 2012

TAHUN	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Letak Kereta	113,335.00	78,800.00	76,055.00	38,165.00
Kerja Tanah	240,900.00	210,100.00	121,280.00	55,300.00
Lesen	5,800.00	6,225.00	0.00	0.00
Bayaran Pinjaman	0.00	0.00	0.00	50.00
Salinan UUK	0.00	0.00	0.00	0.00
Rampasan	0.00	0.00	0.00	6,500.00
Komp. Halangan	300.00	2,160.00	0.00	32,780.00
Komp. Enakmen Hiburan	19,500.00	1,500.00	0.00	2,100.00

LAPORAN PRESTASI UNIT POLIS BANTUAN


1. **OBJEKTIF POLIS BANTUAN**

Menjalankan tugas kepolisian di mahkamah munisipal dan hal berkaitan dengan saman, waran tangkap serta menguatkuasakan undang-undang.

2. **PENUGASAN**

- 2.1. Memastikan keselamatan dan etika mahkamah di patuhi;
- 2.2. Melaksanakan penyerahan saman, sapina dan waran tangkap di Seberang Perai sebelum tarikh sebutan / perbicaraan yang di tetapkan;
- 2.3. Menjalankan siasatan ke atas aduan mengenai bidang tugas Majlis Perbandaran Seberang Perai;
- 2.4. Memproses kertas-kertas pertuduhan mahkamah iaitu Mahkamah 111, 114 dan 143;
- 2.5. Mengawasi OKT semasa dalam Tahanan Sementara di Mahkamah Majistret (Munisipal);
- 2.6. Menguatkuasakan Enakmen Hiburan dan Peraturan – Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) (Mengkompaun Kesalahan) 2001;
- 2.7. Mengawal selia ketenteraman dan keselamatan semasa jabatan – jabatan lain mengambil tindakan penguatkuasaan;
- 2.8. Menguatkuasakan kerja tanah;
- 2.9. Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang di arahkan oleh pihak atasandari semasa ke semasa.

3. CARTA ORGANISASI UNIT POLIS BANTUAN



4. PENCAPAIAN MENGIKUT UNIT

4.1 UNIT PENYERAHAN SAMAN DAN WARAN TANGKAP (KES)

PENYERAHAN SAMAN

BIL	BULAN / TAHUN	2009	2010	2011	2012
1	Januari	188	296	525	142
2	Februari	165	286	453	343
3	Mac	429	131	541	377
4	April	718	83	476	361
5	Mei	593	409	352	470
6	Jun	486	509	306	352
7	Julai	939	559	426	416
8	Ogos	302	488	442	288
9	September	284	367	473	342
10	Oktober	209	344	515	505
11	November	84	385	525	304
12	Disember	306	530	316	297
JUMLAH		4703	4387	5350	4197

PELAKSANAAN WARAN TANGKAP (KES)

BIL	BULAN / TAHUN	2009	2010	2011	2012
1	Januari	0	17	14	19
2	Februari	0	7	18	55
3	Mac	28	22	34	27
4	April	19	17	23	33
5	Mei	9	8	13	18
6	Jun	38	8	8	22
7	Julai	15	25	13	23
8	Ogos	16	45	25	48
9	September	31	35	9	25
10	Oktober	32	27	15	40
11	November	10	24	15	40
12	Disember	11	15	16	30
JUMLAH		209	250	203	380

4.2 UNIT KERJA TANAH

PENGUATKUASAAN KERJA TANAH

BIL	BULAN / TAHUN	2009	2010	2011	2012
1	Januari	38	38	15	40
2	Februari	99	24	17	63
3	Mac	43	29	21	65
4	April	41	58	59	21
5	Mei	52	19	14	21
6	Jun	14	23	9	34
7	Julai	25	13	62	29
8	Ogos	5	0	59	44
9	September	12	0	6	22
10	Oktober	29	20	21	32
11	November	24	4	29	2
12	Disember	2	1	12	13
JUMLAH		384	229	324	386

4.3 PENGUATKUASAAN PUSAT HIBURAN

BIL	BULAN / TAHUN	2009	2010	2011	2012
1	Januari	1 Ops	1 Ops	0	1
2	Februari	2 Ops (3 kompaun)	0	2 Ops	1
3	Mac	0	2 Ops	0	
4	April	0	0	0	1
5	Mei	1 Ops	2 Ops	0	2
6	Jun	0	1 Ops	0	
7	Julai	3 Ops (3 kompaun)	0	1 Ops	1
8	Ogos	1 Ops	0	1 Ops	1
9	September	1 Ops	1 Ops	0	
10	Oktober	3 Ops (1 kompaun)	0	0	1
11	November	1 Ops (3 kompaun)	0	0	
12	Disember	0	1 Ops	0	2
JUMLAH		13 Ops (10 kompaun)	8 Ops	4 Ops	10 Ops

4.4 TANGKAPAN AKTIVITI KUTIPAN WANG PAKIR HARAM

BIL	BULAN / TAHUN	2009	2010	2011	2012
1	Januari	7	0	1	-
2	Februari	0	0	4	1
3	Mac	4	1	0	1
4	April	1	1	0	-
5	Mei	0	0	0	-
6	Jun	4	0	0	-
7	Julai	0	0	0	-
8	Ogos	0	0	0	-
9	September	0	0	0	-
10	Oktober	0	0	1	-
11	November	2	0	1	-
12	Disember	1	0	6	-
JUMLAH		19	2	13	2

4.5 BANTUAN KESELAMATAN KEPADA JABATAN

BIL	BULAN / TAHUN	2009	2010	2011	2012
1	Januari	1	3	23	31
2	Februari	1	0	23	28
3	Mac	2	5	11	23
4	April	2	3	6	22
5	Mei	1	5	9	10
6	Jun	5	13	13	21
7	Julai	3	8	32	33
8	Ogos	0	6	25	19
9	September	0	4	14	42
10	Oktober	2	10	18	36
11	November	2	13	15	43
12	Disember	5	4	20	38
JUMLAH		24	74	209	346

4.6 PENGIRING

BIL	BULAN / TAHUN	2012
1	Januari	7
2	Februari	16
3	Mac	9
4	April	12
5	Mei	14
6	Jun	14
7	Julai	8
8	Ogos	15
9	September	12
10	Oktober	5
11	November	9
12	Disember	23
JUMLAH		144

5. ULASAN TUGASAN

- 5.1. Kekuatan sebenar anggota Polis Bantuan (PB) sehingga November 2012 adalah seramai 1 x pegawai dan 26 x anggota. 3 x anggota baru telah melapur diri mulai 1 November 2012.
- 5.2. Penugasan harian yang utama adalah tertumpu di mahkamah munisipal pada hari Isnin, Selasa dan Khamis, penyerahan saman, melaksana waran tangkap, penguatkuasaan kerja tanah di samping melaksanakan pemeriksaan ke pusat hiburan dan pemantauan parkir haram. Khidmat bantuan keselamatan seperti kawalan keselamatan pegawai semasa operasi penguatkuasaan, menjaga kaunter pusat, mengiringi bas bergerak ke lokasi yang dijadualkan ke seluruh Seberang Perai pada hari cuti Sabtu dan Ahad minggu kedua dan ketiga turut dilakukan.
- 5.3. Mulai Januari 2012, empat (4) anggota PB telah ditugaskan secara kekal sebagai Anggota Pengiring kepada Tuan Yang DiPertua dan Tuan Setiausaha Perbandaran. Mereka bertanggungjawab secara langsung ke atas keselamatan YDP dan SUP semasa menghadiri majlis dan acara rasmi.
- 5.4. Mulai 12 September 2012, Ibu Pejabat Kontjen Polis Pulau Pinang telah mengarahkan semua PB di bawah naungan IPK Pulau Pinang membantu mencegah jenayah jalanan melalui konsep '*Omnipresent*'. 2 x PB diminta membantu Ibu Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan pada setiap hari Rabu, Sabtu dan Ahad mulai jam 1000 pagi sehingga 1400 petang.
- 5.5. Pecahan kekuatan tugasan harian adalah seperti berikut :
 - 5.5.1 Serah Saman - 4 kumpulan x 3 ke 4 anggota
 - 5.5.2 Waran Tangkap - 1 kumpulan x 5 anggota
 - 5.5.3 Kerja Tanah - 1 kumpulan x 3 anggota
 - 5.5.4 Mahkamah - 1 kumpulan x 3 anggota
 - 5.5.5 Bantuan Keselamatan - Keanggotaan bergantung kepada jenis tugas. Kekuatan minima 3 orang.
 - 5.5.6 Pengawal Lalulintas - 10 anggota dari kalangan PB sedia ada

6. Huraian Pencapaian

6.1 Serahan Saman

Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) bagi peyerahan saman bagi tahun 2012 berjumlah 3855 saman (90.7%) adalah menepati sasaran yang ditetapkan iaitu 3188 saman (75%) setahun.

6.2 Waran Tangkap

Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) bagi waran tangkap bagi tahun 2012 berjumlah 343 kes (51.1%) adalah menepati sasaran yang ditetapkan iaitu 268 kes (40%) setahun.

6.3 Kerja Tanah

Unit ini telah mula berfungsi pada bulan Julai 2007 bertujuan membantu Unit Kerja Tanah, Jabatan Kejuruteraan dalam menguatkuaskan pematuhan kerja tanah. PB hanya melaksana penguatkuasaan perlanggaran syarat dan kerja tanah tanpa kebenaran sahaja. Perlanggaran undang-undang yang berkaitan teknikal akan dirujuk kepada Jabatan Kejuruteraan. PB hanya mengeluarkan kompaun kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil seperti kesalahan jalan dan badan kendaraan kotor. Jika terdapat kerja tanah tanpa kebenaran (tiada kelulusan Majlis), PB akan menghentikannya dengan serta merta. Pemantauan bukan sahaja dilaksanakan pada hari bekerja malah diteruskan pada hari cuti am dan umum di seluruh Seberang Perai kerana pada ketika inilah pengusaha mengambil kesempatan untuk meningkatkan kerja dari hari-hari biasa dan ketika inilah selalu berlaku ketidakpatuhan kepada undang-undang sedia-ada. Tiga (3) rampasan jentera di lokasi kerja tanah telah dilakukan di sepanjang tahun 2012 seperti berikut:-

TARIKH	LOKASI	JENIS RAMPASAN	JUMLAH DENDA
12/10/2012	Lot 4803, Mukim 8, Permatang Buluh, Kepala Batas, SPU	2 unit (jentera)	RM6,000.00
18/12/2012	Lot 1133, Mukim 7, Jalan Bukit Panchor, SPS	2 unit (jentera)	RM6,500.00
20/12/2012	Lot 2626, Mukim 12, Lubuk Meriam, Sungai Dua, SPU	1 unit (jentera)	RM9,000.00

Nota: Tiada sasaran SKT yang ditetapkan dalam tindakan penguatkuasaan ini kerana aktiviti kerja tanah ini adalah bergantung kepada keadaan semasa.

6.4 Penguatkuasaan Pusat Hiburan

Penguatkuasaan terhadap pusat hiburan sekurang-kurangnya 36 kali setahun di seluruh Seberang Perai tidak dapat tercapai bagi tahun 2012. Walaupun kelulusan menuntut jam lebih masa ditambah dari 1/3 kepada 100 jam melalui kelulusan di rujuk Bil. (9)dlm.MPSP/99/1-2/1 Jil.2(PENDUA) bertarikh 06 Mei 2011 namun kekuatan anggota yang ada sekarang dengan beban tugas tahun 2012 masih tidak seimbang lagi.

6.5 Aktiviti Kutipan Wang Pakir Haram

Pelaksanaan pemantauan kutipan wang pakir secara haram bagi tahun 2012 tertumpu di lokasi Mega Mall (Pasific) dan di Jalan Pasar, Pekan Bukit Mertajam. Bagi kawasan Megamall kutipan berlaku berterusan dari seawal jam 1200 pagi sehingga jam 2300 pada setiap hari. Aktiviti akan menjadi lebih aktif pada hari-hari cuti umum terutama yang melibatkan perayaan kaum. Pada masa kini, pengutip lebih berwaspada semasa menjalankan aktiviti. Anggota PB telah memantau lebih dari tujuh (7) tahun maka boleh dikatakan pengutip parkir ini telah mengenal semua anggota. Oleh yang demikian mereka akan sedaya upaya mengelak atau tidak mengutip ketika anggota PB bertugas di situ. Walaupun tindakan waktu anjal telah dilaksanakan namun mereka tetap dapat mengesan kehadiran anggota PB. Tindakan sekarang adalah lebih kepada mencegah sahaja.

6.6 Bantuan Keselamatan Kepada Jabatan

Bagi kelancaran sesuatu operasi samada merampas, meruntuh atau apa saja tindakan penguatkuasaan oleh jabatan di dalam majlis, peranan PB dalam menjaga keselamatan pegawai dan kakitangan terlibat adalah amat diperlukan. Peningkatan tugas bagi tahun 2012 ini agak tinggi iaitu sebanyak 346 iaitu pertambahan sebanyak 40 %.

6.7 Pengiring (Unit Protokol Keselamatan)

Empat (4) anggota PB telah dipilih untuk menjadi pegawai pengiring kepada Tuan Yang DiPertua dan Tuan Setiausaha Perbandaran mulai awal tahun 2012. Mereka telah dihantar mengikuti kursus Pengiring Orang Kenamaan (POK) di Kem Latihan Delta Komasir, Jugra, Banting, Selangor di bawah anjuran CPP Training and Services Sdn. Bhd. mulai 24 Mac 2012 sehingga 28 Mac 2012. Tugasan mereka adalah membuat tinjauan awal mana-mana lokasi yang bakal dihadiri oleh Tuan Yang DiPertua dan Tuan Setiausaha Perbandaran, merancang dan melaksanakan tugas secara terperinci seperti yang ditetapkan oleh peraturan POK.

7.0 Perancangan Tugasan Untuk Tahun 2013

Polis Bantuan telah mempunyai kekuatan penuh seramai 30 orang mulali tahun 2013. Telah mengambil tindakan menyusun semula anggota sedia ada seperti berikut :

- 7.1 Mengecilkan kekuatan di dalam kumpulan kepada tiga (03) anggota dalam setiap unit dengan menjadikan lapan (08) kumpulan iaitu lima (05) kumpulan untuk tugas serahan saman. Satu (01) unit Kerja Tanah, Satu (01) Unit Pengiring. Empat (04) anggota diletak sebagai Unit Pentadbiran PB untuk melaksanakan hal pentadbiran PB sahaja di pejabat . Kumpulan ini akan membantu unit lain jika diperlukan.
- 7.2 Semua unit serah Saman akan melaksana Waran Tangkap sendiri mengikut kawasan tanggungjawab. Untuk tangkapan di Seberang Perai Selatan, Unit Kpl Daeng Mustaffa akan hadir bersama En. Hasnan untuk membuat tindakan.
- 7.3 Meminima kekuatan kepada 3-4 anggota ketika memberi bantuan kawalan keselamatan semasa tindakan penguatkuasaan undang-undang. Namun kekuatan PB akan ditambah bergantung kepada jenis dan situasi semasa lokasi operasi. Semua operasi hendaklah diketuai oleh salah seorang Pegawai Kanan PB pada setiap masa.
- 7.4 Pemeriksaan ke premis yang menjalankan aktiviti hiburan akan diteruskan mengikut daerah sekurang-kurangnya dua (02) kali sebulan.
- 7.5 Tugasan Pengawal Lalulintas dicadangkan akan diserahkan sepenuhnya kepada Unit Kunci Tayar Direktorat Penguatkuasaan seperti mana yang yang sedang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Perkara akan dibincangkan dengan Pengarah Undang-Undang.

RUMUSAN

Prestasi dan proses kerja di Jabatan Undang-Undang sepanjang tahun 2009 hingga tahun 2012 adalah memuaskan dan berjalan lancar. Dengan wujudnya program transformasi MPSP, sikap dan perubahan positif pemikiran kakitangan secara radikal dalam Jabatan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik telah diadaptasikan. Secara tidak langsung Jabatan telah berjaya mencapai objektif dan matlamat Jabatan dalam melaksanakan usaha meningkatkan maklumat perpustakaan ilmu masing-masing mengenai perundangan yang dikuatkuasakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Langkah agresif telah dijalankan oleh Jabatan Undang-Undang seiring dengan perlaksanaan program transformasi MPSP melalui kursus Tatacara Penguatkuasaan Berkesan, kursus Akta PBT dan program Bandar Selamat yang memuatkan slot percambahan fikiran berkenaan Akta PBT bersama warga kerja perbandaran serta warga Seberang Perai. Hasilnya, kepekaan dan kesedaran warga perbandaran dan warga Seberang Perai terhadap pematuhan undang-undang juga telah meningkat. Fenomena di atas berlaku kerana masyarakat telah memberi sambutan yang positif kepada penguatkuasaan undang-undang MPSP.

Berdasarkan rekod kesalahan yang acap kali dilakukan oleh warga Seberang Perai mendapati indeks kesalahan semakin berkurangan. Kesimpulannya kedaulatan undang-undang telah berlaku di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seberang Perai.



LAPORAN TAHUNAN 2012
JABATAN PERBENDAHARAAN



En. Mohd Hairay bin Md. Yusof

Pengarah Perbendaharaan

Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang terbesar di negara ini, MPSP memikul tanggungjawab untuk meneruskan agenda pembangunan Seberang Perai seperti yang telah direncanakan dan terkandung dalam Blueprint Transformasi MPSP dan ianya juga merupakan kehendak dan aspirasi warga Seberang Perai.

Cabarannya untuk membangun dan memajukan kawasan Seberang Perai ini dengan sumber-sumber rizab yang semakin terhad memerlukan perancangan yang strategik lagi komprehensif. MPSP akan terus melaksanakan langkah-langkah proaktif untuk meningkatkan pendapatan sediada dan juga mencari serta memperbanyakkan sumber-sumber pendapatan yang baru bagi mengukuhkan kedudukan kewangan MPSP demi pembangunan di masa hadapan.

Kempen-kempen kesedaran membayar cukai akan terus dilaksanakan. Proses pendidikan yang telah lama dijalankan akan diteruskan. Kemudahan-kemudahan saluran bayaran cukai taksiran telah diperlengkapkan dan ditambah dari masa ke semasa. Pada masa kini, pembayar-pembayar cukai di kawasan MPSP boleh membayar cukai bukan hanya di kaunter-kaunter Majlis di SPU, SPS dan Ibu Pejabat, tetapi mereka juga boleh membayar cukai taksiran melalui kaunter-kaunter Pejabat Pos, TNB, PBA, MPPP dan bank-bank yang dilantik. Untuk tujuan ini sebanyak 14 bank telah dilantik sebagai agen kutipan cukai MPSP. Kemudahan bayaran melalui internet juga telah diperkenalkan sejak tahun 2003 lagi.

VISI

- Mentadbir dana Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan cekap dan berkesan
- Memberi perkhidmatan sokongan yang terbaik dan berkualiti berteraskan teknologi terkini kepada program-program

MISI


- Mengurus sumber-sumber kewangan Majlis mengikut Akta, Perintah Tetap, Pekeliling-Pekeliling dan Arahan-Arahan Pentadbiran
- Membangun, mengemaskini dan menyenggara sistem pengurusan kewangan Majlis
- Mengadakan sistem kawalan dalaman yang berkesan dalam mencegah kehilangan wang Majlis
- Menyediakan laporan berkala (Kewangan dan Belanjawan) mengikut Akta dan Arahan-Arahan

OBJEKTIF

- Mewujudkan program-program untuk menentukan peruntukan-peruntukan kewangan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Perintah Tetap dipatuhi
- Membangun dan menyenggara sistem kewangan dan perakaunan sempurna untuk meliputi segala aktiviti Majlis termasuk Sistem Kawalan Dalaman yang mencukupi bagi mengelakkan kehilangan wang Majlis
- Penyediaan laporan kewangan seperti yang digariskan oleh Akta, Arahan-Arahan dan piawaian-piawaian yang ditetapkan
- Penyediaan bajet Majlis mengikut format dan masa yang ditetapkan
- Kawalan Akaun-akaun Amanah yang diluluskan oleh Majlis
- Memastikan rekod-rekod kewangan sisimpan dengan baik dan teratur

CARTA ORGANISASI

JABATAN PERBENDAHARAAN



PIAGAM PELANGGAN
JABATAN PERBENDAHARAAN

Kami berjanji menunaikan amanah Majlis dalam menguruskan perakaunan dan kewangan Majlis berdasarkan undang-undang, arahan dan peraturan yang berkaitan secara profesional dan mesra pelanggan.

KAMI BERJANJI:

- (1) Bil-bil cukai taksiran akan dikeluarkan dalam bulan **Januari** bagi setengah tahun pertama dan bulan **Julai** bagi setengah tahun kedua tiap-tiap tahun.
- (2) Bayaran kepada pembekal akan dibuat dalam tempoh **14 hari** setelah dokumen yang lengkap diterima.
- (3) Bayaran cukai taksiran yang diterima adalah dikemaskini di paparan bil online seperti berikut:-
 - (a) Bayaran melalui kaunter ibu pejabat MPSP - **serta merta**
 - (b) Bayaran melalui laman web MPSP, agen bank, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan POS Malaysia - **1 hari selepas transaksi**
 - (c) Bayaran melalui lain-lain agensi setempat - **3 hari selepas transaksi**
 - (d) Bayaran melalui kaunter pejabat cawangan MPSP - **hari yang sama**
- (4) Bayaran kompaun letak kereta yang diterima adalah dikemaskini di paparan semakan online seperti berikut:-
 - (a) Bayaran melalui kaunter ibu pejabat MPSP - **serta merta**
 - (b) Bayaran melalui kaunter pejabat cawangan MPSP - **hari yang sama**
 - (c) Bayaran melalui agen bank dan POS Malaysia - **1 hari selepas transaksi**
 - (d) Bayaran melalui lain-lain agensi setempat - **3 hari selepas transaksi**

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN BAGI TAHUN 2012

BIL.	PIAGAM	JUMLAH DITERIMA	DICAPAI	% DICAPAI
1.	Bil-bil cukai taksiran akan dikeluarkan dalam bulan Januari bagi $\frac{1}{2}$ tahun pertama dan bulan Julai bagi $\frac{1}{2}$ tahun kedua tiap-tiap tahun	400,978	400,978	100
2.	Bayaran kepada pembekal akan dibuat dalam tempoh 14 hari setelah dokumen yang lengkap diterima	8,917	8,917	100
3.	<p>Bayaran cukai taksiran yang diterima adalah dikemaskini di paparan online seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran melalui kaunter ibu pejabat MPSP – serta merta • Bayaran melalui kaunter pejabat cawangan MPSP – hari yang sama • Bayaran melalui laman web MPSP, agen bank, TM, TNB, POS & I-KIOSK– 1 hari selepas transaksi • Bayaran melalui lain-lain agensi setempat – 3 hari selepas transaksi 	77,357,285 24,919,854 23,746,371 3,735,614	77,357,285 24,919,854 23,746,371 3,735,614	100 100 100 100
4.	<p>Bayaran kompaun letak kereta yang diterima adalah dikemaskini di paparan semakan online seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran melalui kaunter ibu pejabat MPSP – serta merta • Bayaran melalui kaunter pejabat cawangan MPSP – hari yang sama • Bayaran melalui agen bank & POS – 1 hari selepas transaksi • Bayaran melalui lain-lain agensi setempat – 3 hari selepas transaksi 	1,027,047 91,355 22,696 -	1,027,047 91,355 22,696 -	100 100 100 -

LAPORAN PELAKSANAAN BPR BAGI TAHUN 2012

BIL.	PROSES KERJA (SEBELUM BPR)	PROSES KERJA (SELEPAS BPR)	BIL. KES DITERIMA	BIL. KES DICAPAI	% DICAPAI
1.	Proses pengeluaran Notis E-Taksiran mengambil masa selama 30 hari	Proses pengeluaran Notis E-Taksiran mengambil masa selama 16 hari	145,408	145,408	100


PRESTASI KEWANGAN MPSP BAGI TAHUN 2012

RINGKASAN UMUM

MPSP telah membuat anggaran bajet defisit bagi tahun 2012 sebanyak RM29.69 juta. Walaubagaimanapun, sehingga 31 Disember 2012, Majlis telah mencatatkan lebihan pendapatan sebanyak RM4.15 juta. Untuk makluman, MPSP telah mencatat lebihan pendapatan sebanyak RM13.59 juta pada tahun 2011 dan RM23.04 juta pada tahun 2010. Lebihan pendapatan bagi tahun 2012 adalah meliputi pendapatan dan perbelanjaan Majlis seperti berikut:


KETERANGAN	ANGGARAN RM JUTA	SEBENAR RM JUTA
Pendapatan	172.18	178.57
Perbelanjaan	201.87	174.42
(Defisit) / Lebihan	(29.69)	4.15

LEBIHAN PENDAPATAN DARI TAHUN 2006 SEHINGGA 2012



RINGKASAN PENDAPATAN

Pada keseluruhannya, pendapatan Majlis meningkat sebanyak 2.83% kepada RM178.57 juta pada tahun 2012 jika dibandingkan dengan tahun 2011 berjumlah RM173.65 juta iaitu dengan perbezaan RM4.92 juta. Hasil cukai merupakan komponen hasil utama sesebuah PBT terutamanya MPSP. Pada tahun kewangan 2012, hasil cukai meliputi 73.77% dari jumlah keseluruhan pendapatan MPSP. Manakala 20.76% dan 5.47% dari hasil pendapatan MPSP masing-masing terdiri daripada hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.



Peningkatan pendapatan adalah terdiri daripada item-item seperti berikut:

BIL.	KETERANGAN PENDAPATAN	2012 RM JUTA	2011 RM JUTA	PERBEZAAN RM JUTA	% KENAIKAN
1.	Cukai Kadar Taksiran	131.74	126.98	4.76	3.75
2.	Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	11.28	9.41	1.87	19.87
3.	Sewaan	7.43	6.54	0.89	13.61
4.	Faedah dari Perolehan dari Pelaburan	4.13	3.26	0.87	26.68
5.	Keuntungan Pelupusan Aset	1.69	0.002	1.69	84500

Selain daripada itu, terdapat juga penurunan pendapatan kepada item berikut :

BIL.	KETERANGAN PENDAPATAN	2012 RM JUTA	2011 RM JUTA	PERBEZAAN RM JUTA	% PENURUNAN
1.	Perolehan Dari Jualan Aset dan Barang-Barang	0.30	4.37	(4.07)	93.14
2.	Denda Dan Hukuman	4.09	4.55	(0.46)	10.11
3.	Pelbagai Terimaan	0.47	0.54	(0.07)	12.96
4.	Terimaan Lain	2.94	3.23	(0.29)	8.98

PRESTASI PENDAPATAN DARI TAHUN 2006 SEHINGGA 2012



RINGKASAN PERBELANJAAN

Secara keseluruhannya, perbelanjaan Majlis meningkat sebanyak 8.97% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 iaitu dari RM160.06 juta kepada RM174.42 juta dengan perbezaan sebanyak RM14.36 juta.

Walaupun terdapat peningkatan dalam perbelanjaan, Majlis masih terus mengambil langkah-langkah penjimatan bagi item-item seperti di dalam jadual berikut:

BIL.	KETERANGAN PERBELANJAAN	2012 RM JUTA	2011 RM JUTA	PERBEZAAN RM JUTA	% PENURUNAN
1.	Sewaan	0.25	0.27	(0.02)	7.41
2.	Pemberian dan Sumbangan	0.83	2.18	(1.35)	61.93

Selain daripada itu, terdapat juga peningkatan perbelanjaan kepada item-item berikut :


BIL.	KETERANGAN PERBELANJAAN	2012 RM JUTA	2011 RM JUTA	PERBEZAAN RM JUTA	% KENAIKAN
1.	Emolumen – Gaji dan Upahan	63.15	55.55	7.60	13.68
2.	Perbelanjaan dan Sara Hidup	1.63	1.37	0.26	18.98
3.	Perhubungan dan Utiliti	5.68	5.23	0.45	8.60
4.	Bekalan Bahan-bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	2.36	1.77	0.59	33.33
5.	Bekalan dan Bahan-bahan Lain	1.19	1.08	0.11	10.19
6.	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	55.41	52.91	2.50	4.73
7.	Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	24.27	19.27	5.00	25.95
8.	Pengembalian Hasil	0.87	0.37	0.50	135.14
9.	Bayaran Cukai, Komisen, Insurans dan Perintah Mahkamah	1.39	1.21	0.18	14.88
10.	Bangunan dan Pembaikan Bangunan	0.99	0.00	0.99	100
11.	Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan	1.80	1.17	0.63	53.85



Kedudukan Aset, Liabiliti, Aset Bersih dan Kumpulan Wang Majlis

ITEM	2012 RM JUTA	2011 RM JUTA	PERBEZAAN RM JUTA	% KENAIKAN / (PENURUNAN)
Aset	507.88	478.55	29.33	6.13
Liabiliti	396.54	367.89	28.65	7.79
Aset Bersih	111.34	110.66	0.68	0.61
Lebihan Terkumpul	83.30	79.16	4.14	5.23
Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan	26.34	29.81	(3.47)	(11.64)


KEDUDUKAN TUNAI DARI TAHUN 2006 SEHINGGA 2012



Pada keseluruhannya jumlah aset telah meningkat sebanyak 6.13% iaitu RM478.55 juta dalam tahun 2011 kepada RM507.88 juta dalam tahun 2012 dengan perbezaan RM29.33 juta. Peningkatan ini berpunca daripada aliran tunai Majlis yang lebih baik berbanding tahun 2011 disebabkan promosi bayaran cukai pada hujung tahun 2012 dan pengeluaran lesen perniagaan kepada warga Seberang Perai pada bulan Disember 2012. Hasil daripada strategi ini kedudukan tunai Majlis meningkat sebanyak RM34.65 juta iaitu dari RM117.08 juta pada tahun 2011 kepada RM151.73 juta pada tahun 2012.

Nilai Aset bersih pada tahun 2012 telah meningkat sebanyak 0.61% iaitu dengan perbezaan sebanyak RM0.68 juta kerana jumlah aset bersih Majlis telah meningkat daripada RM110.66 juta pada tahun 2011 kepada RM111.34 juta pada tahun 2012. Kesan dari pertambahan aset dengan liabiliti yang ada Majlis telah memperolehi nilai aset bersih yang positif dan ini menunjukkan MPSP mempunyai kemampuan untuk membayar hutang yang sedia ada.


LEBIHAN TERKUMPUL DARI TAHUN 2006 SEHINGGA 2012



Kumpulan wang majlis terdiri daripada lebihan pendapatan terkumpul pada tahun 2012 berjumlah RM83.30 juta berbanding tahun 2011 iaitu RM79.16 juta dengan perbezaan RM4.14 juta meningkat sebanyak 5.23% disebabkan lebihan pendapatan yang diterima sebanyak RM4.15 juta pada tahun 2012.

Tunggakan Terkumpul Cukai Taksiran

TUNGGAKAN TERKUMPUL CUKAI TAKSIRAN DARI TAHUN 2006 SEHINGGA 2012



Carta palang di atas menunjukkan bahawa tunggakan terkumpul bagi tahun 2012 telah menurun sebanyak 20.08% iaitu RM6.89 juta jika dibandingkan dengan jumlah tunggakan pada penghujung tahun 2011. Penurunan ini berikutan dengan program kutipan tunggakan cukai taksiran yang giat dijalankan seperti tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan, serahan kes kepada panel peguam, debt collector serta pasukan khas, penyediaan kaunter bergerak dan kewujudan Klinik Pembayar Cukai.



PERBANDINGAN DI ANTARA ANGGARAN DAN LAPORAN PENYATA KEWANGAN 2009 - 2012

	2009		2010		2011		2012	
	BAJET (RM)	SEBENAR (RM)	BAJET (RM)	SEBENAR (RM)	BAJET (RM)	SEBENAR (RM)	BAJET (RM)	SEBENAR (RM)
HASIL	145,154,905	157,400,632	150,192,610	167,669,222	160,339,302	173,654,700	172,177,517	178,571,221
PERBELANJAAN:								
EMOLUMEN	53,606,187	48,359,792	53,767,612	51,561,544	55,891,822	55,547,412	58,548,312	63,146,372
PERKHIDMATAN & BEKALAN	98,271,200	79,427,324	94,301,830	77,581,180	107,994,020	81,939,296	130,924,085	90,859,576
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN & HARTA MODAL	1,003,000	385,992	4,492,180	2,869,453	5,346,060	3,533,785	6,745,000	6,337,662
PEMBERIAN & KENAAN TETAP	6,282,300	6,119,902	6,433,300	6,211,528	6,262,223	5,507,371	3,730,000	3,009,564
PERBELANJAAN LAIN	1,462,020	958,479	2,515,000	1,543,563	2,150,000	1,579,883	1,925,000	2,262,405
PERBELANJAAN (TUNAI)	160,624,707	135,251,489	161,509,922	139,767,268	177,644,125	148,107,747	201,872,397	165,615,579
Lebihan/Kurangan Sebelum Pelarasan		22,149,143		27,901,954		25,546,953		12,955,642
PELARASAN ITEM PERAKAUNAN:								
SUSUT NILAI	-	5,663,561	-	5,552,708	-	5,917,489	-	6,267,334
HAPUSKIRA HUTANG RAGU	-	5,000,000	-	5,000,000	-	9,186,306	-	8,000,000
HAPUSKIRA ASET	-	2,293	-	693	-	1,948,485	-	452
KERUGIAN ASET	-	-	-	-	-	4,257	-	-
PINDAHAN KE LEMBARAN IMBANGAN:								
HARTA MODAL DAN PELARASAN LAIN	-	(111,891)	-	(2,480,648)	-	(2,965,276)	-	(3,277,662)
BAYARAN BALIK PINJAMAN POKOK	-	(2,974,808)	-	(3,205,750)	-	(2,138,775)	-	(2,181,551)
PELARASAN PEMIUTANG/PENGHUTANG	-	(1,150)	-	(1,120)	-	(3,191)	-	-
JUMLAH PERBELANJAAN	160,624,707	142,829,494	161,509,922	144,633,151	177,644,125	160,057,042	201,872,397	174,424,152
LEBIHAN/KURANGAN	(15,469,802)	14,571,138	(11,317,312)	23,036,071	(17,304,823)	13,597,658	(29,694,880)	4,147,069

AKTIVITI-AKTIVITI JABATAN PERBENDAHARAAN

TAHUN 2012



*Majlis Cabutan dan Penyampaian Hadiah
Pemenang Promosi Cukai Pintu 2012*

*Lawatan Penel Penilai Anugerah
Inovasi Pengurusan Kewangan 2011*



*Rampasan Harta Alih Kes Waran
Bagi Tunggakan Cukai*

Lawatan dari Majlis Perbandaran Nilai





LAPORAN TAHUNAN 2012

JABATAN PERANCANG BANDAR

1.0

PENGENALAN

Jabatan ini memainkan peranan penting di dalam mengawal pembangunan melalui penguatkuasaan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, Akta 172 termasuk Pindaan 1995 (Akta A993), 2001 (Akta A1129) dan 2007 (Akta A1313) bagi memastikan corak pembangunan adalah bersesuaian dan selaras dengan corak pembangunan yang telah ditetapkan di samping menghalang pembangunan yang bertentangan dengan perancangan di sesuatu kawasan tersebut.



2.0

VISI JABATAN

Mewujudkan pembangunan yang seimbang dan berdaya maju melalui perancangan yang komprehensif

3.0

MISI JABATAN

Memastikan perancangan yang seimbang melalui pembangunan mampan, mesra alam, beridentiti dan menarik selaras dengan kehendak Akta.


4.0

ORGANISASI JABATAN

Untuk merealisasikan fungsi-fungsi dengan berkesan, organisasi Jabatan ini terbahagi kepada 4 bahagian dan 2 unit iaitu seperti berikut :

- Bahagian Kawalan Perancangan
- Bahagian Penguatkuasaan & Pelesenan
- Bahagian Rancangan Pemajuan
- Bahagian Pusat Setempat (OSC)
- Unit Pentadbiran

Rujuk rajah 1



Rajah 1 : Carta Organisasi Jabatan Perancang Bandar

Selaras dengan itu tiap-tiap bahagian tersebut mempunyai tugas dan tanggungjawab seperti berikut:

4.1

Bahagian Kawalan Perancangan

- Memproses permohonan kebenaran merancang untuk skim perumahan, perniagaan, industri, institusi dan lain-lain jenis pembangunan
- Memproses permohonan pelan pecahan sempadan, cantuman, penyerahan dan pemberian milik semula tanah
- Memproses permohonan penamaan taman, jalan dan bangunan
- Memberi ulasan teknikal terhadap pelan bangunan, kerja tanah, ubah syarat tanah, sijil layak menduduki, permohonan lesen tumpangan sementara (TOL), penggunaan tanah kerajaan, pemberian milik tanah, pengambilan balik tanah, Perlindungan Semula dan lain-lain yang berkaitan



Aktiviti yang telah dijalankan :-

Sejak tahun 2008 hingga bulan Disember 2012 terdapat sebanyak 1589 permohonan yang telah diterima oleh pihak jabatan. Dari jumlah tersebut 1045 (65.6 %) merupakan permohonan kebenaran merancang untuk tujuan pembangunan dan 544 (34.%) adalah permohonan pelan pecahan sempadan/cantuman tanah, penyerahan dan pemberian milik semula tanah seperti Jadual 2.

JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIMA TAHUN 2008-2012

TAHUN	PELAN SUSUNATUR	PELAN PECAHAN/CANTUMAN TANAH/PENYERAHAN DAN PEMBERIAN MILIK SEMULA	JUMLAH
2008	127	77	204
2009	170	90	260
2010	206	102	308
2011	247	150	397
2012	295	125	420
JUMLAH	1045	544	1589

JADUAL : 2

Sementara permohonan yang telah diberi kelulusan adalah sebanyak 1084 yang terdiri daripada 676 (62.4 %) pelan kebenaran merancang dan 408 (37.6 %) pelan pecahan sempadan/cantuman tanah seperti Jadual 3.

JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2008-2012

TAHUN	PELAN SUSUNATUR	PELAN PECAHAN/CANTUMAN TANAH	JUMLAH
2008	92	69	161
2009	172	94	266
2010	204	56	260
2011	92	110	202
2012	116	79	195
JUMLAH	676	408	1084

JADUAL : 3


Berdasarkan trend permohonan seperti di **Jadual 2** dan **Jadual 3** didapati bilangan permohonan yang diterima dan yang diluluskan bagi permohonan kebenaran merancang telah meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan ini memberi petanda bahawa penawaran terhadap pembangunan khususnya dalam sektor perumahan semakin bertambah di kawasan Seberang Perai.

Manakala kutipan bagi **Sumbangan Untuk Peningkatan Nilai Tanah** adalah sebanyak **RM684,403.46** dan bayaran **Sumbangan Mengantikan Penyediaan Kemudahan Awam** adalah sebanyak **RM1,042,820.50** bagi tahun 2012.

4.2

Bahagian Penguatkuasaan & Pelesenan

- Melaksanakan penguatkuasaan terhadap binaan tanpa kebenaran atau premis-premis yang salah guna kegunaan bangunan (change of use)
- Menyediakan laporan dan kertas pendakwaan terhadap tertuduh kepada Jabatan Undang-Undang
- Memberi ulasan terhadap permohonan lesen perniagaan am dan industri
- Menjalankan siasatan dan mengambil tindakan susulan terhadap aduan-aduan yang diterima
- Memproses permohonan tukar guna kegunaan bangunan (change of use)



Antara aktiviti yang telah dijalankan :-

Statistik permohonan Tahun 2012 adalah seperti berikut :-

JUMLAH PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI TUJUAN TUKAR GUNA DAN BURUNG WALIT 2012

JENIS PERMOHONAN	DITERIMA	DIPROSES	SELESAI
Tadika	12	2	4
Taska	2	07	12
Pusat Jagaan	2	01	1
Perniagaan	28	03	7
Burung Walit	5	2	1
Hotel Bajet	26	2	2
JUMLAH	171	26	145

4.3

Bahagian Rancangan Pemajuan

Bahagian Rancangan Pemajuan distrukturkan di bawah Jabatan Perancangan Bandar bagi melaksanakan tugas berdasarkan kepada bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; Akta 172. Perincian bidang tugas bahagian ini adalah seperti berikut:


1. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara 2005-2020(RTD SPU)
2. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah 2006-2020(RTD SPT)
3. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan 2009-2020(RTD SPS)
4. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) agar selari dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah
5. Merancang, membangunkan dan memantau Sistem GIS iaitu GIS Map Browser, e-OSC, EIS SPT dan sebagainya termasuk penyelenggaraan dan pengemaskinian data serta maklumat ke dalam sistem GIS dan yang berkaitan dengannya.
6. Menyedia dan menyelaras dalam membekalkan maklumat serta maklumbalas kajian-kajian perancangan bandar di peringkat negeri dan persekutuan iaitu Pelaporan Pemantauan Rancangan Struktur Negeri, Pelaporan Pemantauan Dasar Perbandaran Negara, Kajian Profil Bandar dan Profil Kampung dan lain-lain.
7. Memberi khidmat nasihat dan membekalkan maklumat perancangan dan pembangunan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar, orang awam, para perunding dan sebagainya.
8. Memberi pelaporan berkenaan Sistem Pengukuran dan Penilaian Kemampunan Bandar-bandar di Malaysia - MURNInet secara online melalui laman web Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
9. Menyelaras semua dasar-dasar kerajaan yang melibatkan rancangan-rancangan pemajuan, garis panduan perancangan, piawaian perancangan, undang-undang dan sebagainya yang melibatkan perancangan bandar yang telah dibentangkan kepada ahli majlis dimasukkan ke dalam sistem e Dasar MPSP.
10. Membangunkan Sistem Maklumat Geografi yang boleh dicapai secara 'online' melalui laman web <http://spgis.mpsp.gov.my>. Melalui sistem GIS ini, terdapat beberapa pecahan sistem GIS yang telah dibangunkan iaitu GIS Mapbrowser, Draf RTD Seberang Perai Utara, Draf RTD Seberang Perai Tengah dan Draf RTD Seberang Perai Selatan serta boleh membuat fungsi carian lot, pengezonan dan sebagainya.
11. Bahagian ini juga telah merancang satu pengkalan data Spatial (basemap) yang boleh dihubungkan dengan sistem pengkalan data daripada jabatan-jabatan lain. Walau bagaimanapun projek ini masih belum dapat direalisasikan memandangkan kekosongan jawatan juruteknik (pelukis pelan) masih belum diisi.

12. Memaparkan maklumat gunatanah secara grafik menggunakan konsep 'layer' dan dapat melihat perubahan status lot mengikut senario semasa.
13. Membangunkan satu perkongsian data dikalangan jabatan dalaman MPSP. Ini menjimatkan kos pemasangan dan penyokong perkakasan sesebuah perisian.
14. Memastikan pelanggan mendapat layanan yang terbaik semasa berurusan bagi mendapatkan maklumat dan pertanyaan berkenaan dengan perancangan bandar dan zoning pembangunan. Perkhidmatan diberi secara serta merta dengan surat pengesahan. Pada sepanjang tahun 2012 sebanyak 1650 pelanggan telah datang ke bahagian ini untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.
15. Mencetak pelan menggunakan sistem GIS MPSP dan mengeluarkan dokumen pengesahan zoning kepada pelanggan berdasarkan kepada RSNPP yang diwartakan. Pada tahun 2012 sebanyak 780 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU = 197, SPT = 412 dan SPS = 171.
16. Jualan pelan kepada pihak awam, swasta, pelajar dan lain-lain lagi merupakan antara perkhidmatan yang disediakan dan pada tahun 2012 catatan jualan pelan yang dijual berjumlah RM 6880.00
17. Memproses data dan maklumat pelan kebenaran merancang dan mendigit semula ke dalam sistem GIS kerana pelan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pihak perunding tidak mengikut 'base plan' berkoordinat cassini Penang daripada JUPEM. Sebanyak 217 buah skim telah didigit dan 55 pelan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengelasan jenis pembangunan telah didigit ke dalam pangkalan data GIS. Masih terdapat banyak pelan yang belum selesai diproses kerana kekosongan 2 pelukis pelan yang masih belum diganti.




AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2012

1. Ketiga-tiga RTD SPU, SPT dan SPS adalah dalam peringkat Laporan Draf Akhir. Tugas bahagian ini ialah memastikan MPSP mempunyai rancangan tempatan daerah yang diperincikan dan selari dengan dasar Rancangan Struktur Negeri. Laporan kajian ini juga memperincikan cadangan pembangunan sehingga melibatkan lot-lot tanah. (Status kajian adalah seperti di dalam jadual)
2. Semua Permohonan Pelan Kebenaran Merancang yang akan dibentangkan ke mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk keputusan disediakan melalui sistem mesyuarat e-OSC menggunakan aplikasi GIS. Sebanyak 206 pelan kebenaran merancang yang diluluskan sejak Januari hingga Disember 2010 telah dikemaskini ke dalam sistem e-OSC menggunakan perisian ArcGIS dan kerja pendijitan untuk kemasukan maklumat pembangunan telah dilaksanakan.



3. Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) yang disediakan bersama Rancangan Tempatan Daerah telah disemak dan dipinda mengikut kesesuaian penggunaan oleh pihak pengurusan atasan dalam merancang keperluan pembinaan dan peningkatan taraf serta keperluan baru kemudahan infrastruktur, utiliti dan perkhidmatan perbandaran seiring dengan pembangunan yang dijangkakan.



- Menyelaras semua dasar-dasar kerajaan yang melibatkan rancangan pemajuan, garis panduan perancangan, piawaian perancangan, undang-undang dan sebagainya yang melibatkan perancangan Bandar yang telah dibentangkan kepada ahli majlis dimasukkan ke dalam sistem e-Dasar MPSP



- Membangunkan Sistem Maklumat Geografi yang boleh dicapai secara 'online' melalui laman web <http://spgis.mpsp.gov.my>. Di dalam sistem GIS ini terdapat beberapa pecahan sistem GIS yang telah dibangunkan iaitu GIS Mapbrowser, RT Kepala Batas, RT Butterworth , RT Bukit Mertajam, RT Jawi, Sungai Bakap & Nibong Tebal serta boleh membuat fungsi carian.
- Bahagian ini juga telah merancang satu pengkalan data spatial (base map) yang boleh dihubungkan dengan sistem pengkalan data dari jabatan-jabatan lain. Walau bagaimanapun projek ini masih belum dapat direalisasikan kerana terdapat 2 kekosongan jawatan pelukis pelan yang telah beralih ke jawatan dan di jabatan yang lain.



- Memaparkan maklumat gunatanah secara grafik menggunakan konsep "layer" dan dapat melihat perubahan status lot mengikut senario semasa.
- Membangunkan satu perkongsian data dikalangan jabatan dalaman MPSP. Ini menjimatkan kos pemasangan dan penyokong perkakasan sesebuah perisian.
- Memastikan pelanggan mendapat layanan yang terbaik semasa berurusan bagi mendapatkan maklumat dan pertanyaan berkenaan dengan perancangan bandar dan zoning pembangunan. Perkhirmatan diberi secara serta merta dengan surat pengesahan. Sepanjang tahun 2010 seramai 600 pelanggan telah datang ke bahagian ini untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.
- Mencetak pelan menggunakan sistem GIS MPSP dan mengeluarkan dokumen pengesahan zoning kepada pelanggan berdasarkan RSNPP yang diwartakan. Pada tahun 2010 sebanyak 412 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU = 144, SPT = 160 dan SPS = 108.

11. Menyediakan data-data bagi pelaporan ke dalam sistem MURNInet secara online dan hasil analisis tersebut mendapati MPSP telah dikategorikan sebagai Bandar yang hanya mencapai kadar sederhana mampan dengan markah sebanyak 78.07 %. Terdapat 38 indikator yang dinilai dan daripada jumlah tersebut sebanyak 7 indikator yang kurang mampan dan 7 indikator sederhana mampan.

Indikator kurang mampan tersebut adalah:	Indikator sederhana mampan tersebut adalah:
Kadar kehilangan air	Kadar perbandaran
Kadar pembangunan kawasan cenderung banjir	Indeks kualiti air sungai
Nisbah keluasan tanah lapang awam kepada 1000 penduduk	Nisbah kes penyakit bawaan air dan makanan kepada 10,000 penduduk
Peratus peruntukan kewangan untuk program landskap	Kadar penceraian kepada 1000 isirumah
Peratus kelulusan CFO	Nisbah pegawai dalam kumpulan pengurusan dan iktisas kepada penduduk
Nisbah kes kemalangan jalanraya kepada 10,000 penduduk	Peratus perbelanjaan mengurus berbanding hasil.
Nisbah aliran tunai kepada amolumen	

12. Memproses data dan maklumat pelan kebenaran merancang dan mendijid semula ke dalam sistem GIS kerana pelan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pihak perunding tidak mengikut 'base plan' berkordinit cassini Penang daripada JUPEM. Sebanyak 45 buah skim telah didijid dan 28 skim telah dimasukkan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengelasan jenis pembangunan ke dalam pangkalan data GIS. Masih terdapat banyak pelan yang belum selesai diproses kerana kekosongan 2 pelukis pelan yang masih belum diganti.

LAPORAN STATUS PROJEK-PROJEK KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN TAHUN 2012
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

KAJIAN	LUAS (HEK.)	TEMPOH KAJIAN		STATUS	PERUNTUKAN (RM)			PERUNDING	CATATAN
		MULA	SIAP		MPSP	EPU	JUMLAH		
RTD SPU	26,137	2005	2008	Persediaan Mesyuarat J/Kuasa Bantahan	700,000	1,500,000.00	2,200,000.00	Perunding Permai Sdn Bhd	Mesyuarat Majlis Penuh : 30 Mei 2008 Mesyuarat J/Kuasa Perancang Negeri : 31 Jan 2011 Publisiti Awam telah diadakan pada 15 Mac-19 April 2012
RTD SPT	23,799	2006	2009	Persediaan Mesyuarat J/Kuasa Bantahan	710,000.00	1,419,630.00	2,2129,630.00	Jururancang Gemilang Sdn Bhd	Mesyuarat Majlis Penuh : 31 Mei 2010 Mesyuarat J/Kuasa Perancang Negeri : 16 Mei 2011 Publisiti Awam telah diadakan pada 15 Mac-19 April 2012
RTD SPS	24,334	2008	2010	Semakan Semula Draf Akhir	600,000.00	1,200,000.00	1,800,000.00	RNR PLANNING Sdn Bhd	J/Kuasa Perancang Pembangunan & Pengindahan 19 Sept 2011
Jumlah	74,270				2,010,000.00	4,119,630.00	6,129,630.00		

JENIS PERKHIDMATAN DI BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN

Jenis Perkhidmatan	Tugas	Hasil kerja tahun 2010
Sistem Mesyuarat e-OSC	<ul style="list-style-type: none"> - Memasukkan maklumat pelan dan kertas kerja ke sistem Mesyuarat e-OSC. - Memastikan sistem boleh dicapai secara 'online' sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan kelulusan pelan kebenaran merancang sentiasa dikemaskini 	244 pelan Kebenaran merancang yang telah diluluskan telah dikemaskini. Maklumat kelulusan perancangan semasa yang dikemaskini boleh dicapai melalui laman web http://spgis.mpsp.gov.my/osc
Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) RTD	Memastikan pembangunan sistem mengikut standard yang telah ditetapkan	EIS RTD SPT telah siap dan sedia untuk kegunaan melalui laman web http://spgis.mpsp.gov.my/eis
Sistem e-Dasar	<ul style="list-style-type: none"> - Garis panduan perancangan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dikemaskini ke dalam sistem untuk rujukan. - Menyediakan garispanduan untuk kelulusan MPSP 	<p>Sebanyak 7 garispanduan perancangan telah disediakan dan dimuatnaik ke dalam sistem iaitu Garispanduan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - SOHO - Guarded Neighbourhood - Gated Community - TLK Sementara Milik Persendirian - Pusat Mencuci Kenderaan Secara Manual - Hotel Bajet - Caj Pemajuan Pembangunan (penambahan nisbah plot dan densit)
Sistem GIS Map Browser	Memastikan sistem boleh dicapai secara 'online' sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan perancangan sentiasa dikemaskini	<p>Maklumat perancangan semasa dikemaskini dan sistem boleh dicapai melalui laman web http://spgis.mpsp.gov.my</p> <p>Maklumat yang telah dimuatnaik ke sistem ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Peta Cadangan RTD SPU - Peta Cadangan RTD SPT - Peta Cadangan RTD SPS - Kawasan Pembersihan MPSP mengikut Parlimen - Maklumat Infrastruktur Kemudahan Awam
Surat Pengesahan Zoning	Membuat carian lot dan zoning melalui sistem GIS dan mengeluarkan surat pengesahan pada masa yang sama	Sebanyak 780 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah SPU : 197 SPT : 412, SPS : 171 dan jumlah pelanggan seramai 1650 orang.

Cetakan pelan dan Data Perancangan untuk Jualan dan kegunaan jabatan dalaman MPSP	Mencetak pelan mengikut keperluan pemohon seperti yang terkandung di dalam borang cetakan yang disediakan	Sebanyak lebih kurang 470 permohonan pelan daripada pihak swasta dan jabatan dalaman MPSP telah dicetak dengan kutipan jualan sebanyak RM6880.00.
Kemasukan data PKM ke aplikasi GIS bagi proses pengemaskinian	Semua pelan kebenaran merancang dan penamaan skim nama taman, jalan dan sempadan taman yang telah diluluskan didigit menggunakan aplikasi GIS	217 buah skim pembangunan telah didigit dan hanya 55 pelan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengelasan jenis pembangunan dalam pangkalan data GIS. Masih terdapat banyak pelan yang belum selesai diproses kerana kekosongan 2 ng pelukis pelan yang masih belum diisi


BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN

UNIT	SENARAI TUGAS
RTD SPU	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyelaras, Memantau dan Menyemak Penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara 2005-2020 (RTD SPU) 2. Memantau laporan disiapkan oleh perunding dalam tempoh yang ditetapkan 3. Memantau perunding membentangan Laporan ke Jawatankuasa Kerja dalam tempoh yang ditetapkan. 4. Menyemak dan memberi ulasan kepada Laporan awal, Laporan Teknikal dan Draf Laporan Rancangan Tempatan dalam tempoh yang ditetapkan 5. Menyelaras, merekod dan menyemak semua ulasan Laporan Awal, Laporan Teknikal dan Draf RTD yang dikemukakan oleh Jabatan /Agenzi Teknikal sebelum dikemukakan kepada Pengurus Projek dan Perunding untuk diambilkira di dalam pindaan laporan. 6. Menyediakan maklumat-maklumat perancangan, data dan pelan-pelan untuk dibekalkan kepada Pengurus Projek (JPBD Pejabat Projek Zon Utara) dan Perunding. 7. Mengadakan publisiti awam, upacara perasmian dan jadual bertugas semasa publisiti diadakan. 8. Maklumat perancangan dimasukkan ke dalam Sistem GIS. 9. Menjadi Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Teknikal RTD 10. Memberi taklimat kepada YAB Ketua Menteri, Exco, Ahli Majlis dan Ketua Jabatan dll 11. Menyediakan Kertas Mesyuarat kepada Jawatankuasa Pentadbiran Kewangan untuk memohon peruntukan MPSP (30% daripada kos kajian) bagi kajian RTD SPU. 12. Memberi ulasan yang berkaitan tanah berdasarkan Draf RTD SPU 2020 kepada Pejabat Tanah dan Daerah /Orang Awam/ Pihak Swasta
RTD SPT	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyelaras, Memantau dan Menyemak Penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah 2006-2020 (RTD SPT) 2. Memantau laporan disiapkan oleh perunding dalam tempoh yang ditetapkan. 3. Memantau perunding membentangan Laporan ke Jawatankuasa Kerja dalam tempoh yang ditetapkan. 4. Menyemak dan memberi ulasan kepada Laporan awal, Laporan Teknikal dan Draf Laporan Rancangan Tempatan dalam tempoh yang ditetapkan 5. Menyelaras, merekod dan menyemak semua ulasan Laporan Awal, Laporan Teknikal dan Draf RTD yang dikemukakan oleh Jabatan /Agenzi Teknikal sebelum dikemukakan kepada Pengurus Projek dan Perunding untuk diambilkira di dalam pindaan laporan.

	<ol style="list-style-type: none"> 6. Menyediakan maklumat-maklumat perancangan, data dan pelan-pelan untuk dibekalkan kepada Pengurus Projek (JPBD Pejabat Projek Zon Utara) dan Perunding. 7. Mengadakan pameran untuk publisiti awam, upacara perasmian dan jadual bertugas semasa publisiti diadakan. 8. Maklumat perancangan dimasukkan ke dalam Sistem GIS. 9. Menjadi Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal RTD 10. Memberi taklimat kepada YAB Ketua Menteri, Exco, Ahli Majlis dan Ketua Jabatan dll 11. Menyediakan Kertas Mesyuarat kepada Jawatankuasa Pentadbiran Kewangan untuk memohon peruntukan MPSP (30% daripada kos kajian) bagi kajian RTD SPT. 12. Memberi ulasan yang berkaitan tanah berdasarkan Draf RTD SPT 2020 kepada Pejabat Tanah dan Daerah /Orang Awam/ Pihak Swasta
RTD SPS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyelaras, Memantau dan Menyemak Penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan 2009-2020 (RTD SPS) 2. Memantau laporan disiapkan oleh perunding dalam tempoh yang ditetapkan. 3. Memantau perunding membentangkan Laporan ke Jawatankuasa Kerja dalam tempoh yang ditetapkan. 4. Menyemak dan memberi ulasan kepada Laporan awal, Laporan Teknikal dan Draf Laporan Rancangan Tempatan dalam tempoh yang ditetapkan 5. Menyelaras, merekod dan menyemak semua ulasan Laporan Awal, Laporan Teknikal dan Draf RTD yang dikemukakan oleh Jabatan /Agenzi Teknikal sebelum dikemukakan kepada Pengurus Projek dan Perunding untuk diambilkira di dalam pindaan laporan. 6. Menyediakan maklumat-maklumat perancangan, data dan pelan-pelan untuk dibekalkan kepada Pengurus Projek (JPBD Pejabat Projek Zon Utara) dan Perunding. 7. Persiapan bahan pameran untuk publisiti awam, upacara perasmian dan jadual bertugas semasa publisiti diadakan. 8. Maklumat perancangan dimasukkan ke dalam Sistem GIS. 9. Menjadi Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal RTD 10. Memberi taklimat kepada YAB Ketua Menteri, Exco, Ahli Majlis dan Ketua Jabatan dll

	<p>11. Menyediakan Kertas Mesyuarat kepada Jawatankuasa Pentadbiran Kewangan untuk memohon peruntukan MPSP (30% daripada kos kajian) bagi kajian RTD SPS.</p> <p>12. Memberi ulasan yang berkaitan tanah berdasarkan Draf RTD SPS 2020 kepada Pejabat Tanah dan Daerah /Orang Awam/ Pihak Swasta.</p>
GIS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyelaras dan memantau pembangunan Sistem GIS termasuk penyelenggaraan dan pengemaskinian maklumat serta yang berkaitan dengannya. 2. Mengemaskini maklumat perancangan setiap bulan 3. Memasukan kertas kerja dan pelan PKM untuk Mesyuarat Pusat setempat (OSC) setiap 2 minggu 4. Memasukan kertas kerja dan pelan PKM untuk Mesyuarat Jawatankuasa Bantahan setiap 2 minggu 5. Perkongsian maklumat GIS dengan MaCGDI, JPBD dan Pegis 6. Pembangunan Laman Web Gis 7. Pembangunan Sistem e-OSC 8. Memastikan Sistem EIS RTD berfungsi 9. Jualan Pelan dan maklumat daripada sistem GIS 10. Mengeluarkan dokumen pengesahan zoning 11. Mendigit pelan-pelan susunatur PKM yang telah diluluskan. 12. Penerimaan Laporan dan data dalam bentuk 'softcopy' daripada perunding di masukkan ke dalam sistem 13. Menyediakan maklumat dan sistem untuk Jabatan Perbandaran bagi Data Parit Monsun dan kawasan banjir. 14. Menjalankan siasatan tapak untuk pengesahan maklumat sebelum dikemaskini ke dalam sistem. 15. Menyelaras penyediaan inventori menggunakan sistem GIS seperti: <ul style="list-style-type: none"> ● Kawasan Lapang - Tanah Kerajaan ● Sistem Pengurusan Alam Sekitar ● Taman Perumahan dan nama taman, Kawasan Perniagaan dan Industri. ● Jalan dan nama jalan

	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan bekalan maklumat dan maklumbalas kajian-kajian perancangan di peringkat persekutuan dan negeri yang berkaitan dengan Seberang Perai. 2. Menyediakan maklumat dan pelaporan pemantauan MurniNet setiap 6 bulan. 3. Memberi maklumat dan maklumbalas kepada pemantauan pelaksanaan Rancangan Struktur Negeri 2020 (RSN) - eMOSPlan 4. Memberi maklumat dan menghadiri mesyuarat berkaitan dengan Kajian Profil Bandar 5. Memberi maklumbalas, menyediakan maklumat dan menghadiri mesyuarat, seminar, bengkel yang berkaitan dengan Dasar Perbandaran Negara (DPN) bagi Bandar-bandar Kepala Batas, Butterworth, Bukit Mertajam, Jawi, Nibong Tebal dan Juru (Auto City) <p>R&D</p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Kajian Profil Kampung: <ul style="list-style-type: none"> • melaksanakan semakan terhadap data kampung-kampung tradisional dan petempatan tersusun PBT masing-masing di portal serta memaklumkan sebarang perubahan data berkenaan kampung-kampung kepada pegawai pentadbir portal Kampung Tradisional di peringkat JKT dari semasa ke semasa • menghantar apa jua maklumat termasuk aktiviti berkenaan kampung tradisional dan petempatan tersusun di dalam kawasan masing-masing untuk dikongsi bersama • menyediakan sebarang maklumat berkenaan kampung tradisional dan petempatan tersusun yang diminta JKT dari semasa ke semasa • mencadangkan sebarang penambahbaikan portal dari semasa ke semasa 7. Menyediakan Kertas Maklumat dan Kertas Mesyuarat untuk dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pengindahan setiap bulan 8. Memastikan Kertas Mesyuarat dan Kertas Maklumat yang berkaitan dasar serta garispanduan perancangan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pengindahan serta disahkan oleh Majlis Penuh di rekod, di jilid dan di muatnaik ke dalam Sistem Dasar dan Polisi (Intranet -Pengurusan) melalui Bahagian Pembangunan Korporat. 9. Mengemaskini Dasar Perancangan Sediada 10. Penyediaan Kertas Taklimat dari semasa ke semasa 11. Merancang, menyelaras dan menyediakan projek-projek khas yang diarahkan dari semasa ke semasa- cadangan laluan basikal di Seberang Perai.
--	--



17.0

UNIT URUSETIA PUSAT SETEMPAT (OSC)

17.1

LATAR BELAKANG

Unit Urusetia Pusat Setempat (OSC) telah ditubuhkan di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 13 Jun 2007 selaras dengan pelancarannya oleh Y.A.B Perdana Menteri dalam Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan pada 13 April 2007. Kini Unit OSC, MPSP telah pun mencapai usia lebih 5 tahun. Objektif utama penubuhan Unit OSC adalah bagi memendekkan norma masa memproses permohonan pemajuan tanah berdasarkan kepada prosedur memproses yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT).



Kaunter OSC ditempatkan di bahagian kaunter pusat di dalam bangunan MPSP, Bandar Perda.

Unit OSC, MPSP ditempatkan di bahagian Kaunter Pusat, tingkat G dengan jumlah kakitangan seramai 12 orang. Peranan dan tugas Unit OSC adalah untuk menyemak dokumen permohonan, menerima permohonan yang lengkap, merekod permohonan, mengedarkan permohonan kepada jabatan yang memproses dan jabatan / agensi teknikal, memantau status permohonan dan melaporkan status permohonan kepada KPCT setiap bulan melalui Portal OSC.

Selain dari itu khidmat nasihat dari aspek keperluan dokumen dan tatacara mengemukakan permohonan turut diberi kepada juruperunding dan pemohon bagi membantu memastikan permohonan yang dikemukakan adalah lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan mematuhi Template Seragam Senarai Semak Dokumen Agensi Teknikal Luaran dan Agensi Teknikal Dalaman yang telah ditetapkan melalui Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 3 dan 4 Tahun 2011.

Borang-borang permohonan pemajuan yang dahulunya boleh didapati di kaunter OSC kini boleh di muat turun melalui laman web <http://www.mpsp.gov.my> bagi memudahkan pengguna mendapatkan borang yang terkini.

PERMOHONAN-PERMOHONAN PEMBANGUNAN YANG DITERIMA

Permohonan-permohonan pelan pembangunan yang diterima melalui Unit OSC melibatkan 5 jabatan memproses iaitu Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) (Rujuk Jadual 1).


JUMLAH PEMOHONAN PELAN-PELAN PEMBANGUNAN YANG DITERIMA DI UNIT OSC MENGIKUT TAHUN DARI 13 JUN 2007 HINGGA 31 DISEMBER 2012

BIL	JENIS PERMOHONAN	2007	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH
1.	Permohonan Kebenaran Merancang	48	127	126	172	205	233	911
2.	Permohonan Kebenaran Merancang (Tukarguna)	0	0	63	177	147	57	444
3.	Permohonan Kebenaran Merancang (Telco))	0	0	0	5	1	7	13
4.	Permohonan Kebenaran Merancang (Terhad)	0	0	0	4	11	0	15
5.	Permohonan Kebenaran Merancang (Serentak)	14	18	25	38	61	55	211
6.	Permohonan Pecah Sempadan	21	33	28	32	55	34	203
7.	Permohonan Pecah Sempadan (Serentak)	0	0	0	1	8	5	14
8.	Permohonan Serah dan Pemberianmilikan Semula	28	42	41	43	62	42	258
9.	Permohonan Cantuman Tanah	4	7	9	11	8	6	45
10.	Permohonan Pelan Lanskap	52	80	62	66	81	100	441
11.	Permohonan Pelan Lanskap (Serentak)	0	0	1	1	0	0	2
12.	Pelan Kerja Tanah	77	138	129	102	124	113	683
13.	Pelan Kerja Tanah (Serentak)	4	8	6	8	8	12	46
14.	Pelan Jalan dan Parit	91	266	205	209	243	314	1328
15.	Pelan Jalan dan Parit (Serentak)	1	4	2	2	3	5	17
16.	Pelan Lampu Jalan	42	73	73	63	84	107	442
17.	Pelan Lampu Jalan (Serentak)	0	1	0	1	0	0	2
18.	Pelan Bangunan	75	173	147	192	267	318	1172
19.	Pelan Bangunan KB 1	2	57	95	92	64	51	361
20.	Pelan Bangunan (Serentak)	13	10	15	18	40	35	131
21.	Pelan Konkrit Tetulang	1	0	0		0	0	1
22.	Pelan Sanitari Dalaman	0	0	0		0	0	0
23.	Permohonan Penyerahan dan Pemberimilikan Semula (204D KTN) (Serentak)	0	1	3	12	16	15	47
24.	Permohonan Pecah Sempadan dan Ubah Syarat Tanah (124 A KTN) (Serentak)	1	2	5	4	8	5	25
JUMLAH		474	1040	1035	1253	1496	1514	6812

JADUAL : 1

Jadual 1 menunjukkan jumlah permohonan yang diterima melalui Unit OSC mengikut tahun dari tahun 2007 hingga tahun 2012. Permohonan-permohonan yang diterima melibatkan permohonan diproses oleh Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD). Jumlah keseluruhan permohonan yang diterima dari tahun 2007 hingga tahun 2012 sebanyak 6812 permohonan.

CARTA PERBANDINGAN JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIMA MENGIKUT TAHUN DARI TAHUN 2007 HINGGA TAHUN 2012



CARTA : 1

Carta 1 menunjukkan perbandingan jumlah permohonan yang diterima mengikut tahun dari tahun 2007 hingga 2012. Pada tahun 2007 data yang direkodkan adalah rendah kerana penubuhan Unit OSC adalah pada tarikh 13 Jun 2007. Bagi tahun 2008, keseluruhan permohonan yang direkodkan adalah sebanyak 1040. Tahun 2009 menunjukkan sedikit penurunan namun tidak begitu ketara berbanding tahun 2008.

Sementara bagi tahun 2010 sehingga tahun 2012 tren menunjukkan peningkatan penerimaan jumlah permohonan. Permohonan yang diterima bagi tahun 2010 sebanyak 1253 permohonan menunjukkan peningkatan sebanyak 243 permohonan pada tahun 2011 menjadikan jumlah bagi tahun 2011 sebanyak 1496. Bagi tahun 2012 peningkatan tidak begitu ketara dari tahun 2011 iaitu sebanyak 1514 permohonan yang diterima.

17.3

STATUS PERMOHONAN DARI TAHUN 2007 HINGGA 2012

Permohonan yang diterima melalui Unit OSC akan direkodkan dan dipantau status dari masa kesemasa. Jadual 6 menunjukkan status permohonan yang telah diterima dari Jun 2007 hingga Disember 2012.

JADUAL JUMLAH PERMOHONAN MENGIKUT STATUS
DARI BULAN JUN 2007 HINGGA DISEMBER 2012

JENIS PERMOHONAN YANG DITERIMA	LULUS	TOLAK	BATAL	PERMOHONAN DALAM PERTIMBANGAN	JUMLAH
A. SERENTAK	317	30	82	66	495
B. BERASINGAN	3819	212	1845	441	6317
JUMLAH	4136	242	1927	507	6812

JADUAL : 2



CARTA : 2

Keseluruhan permohonan pemajuan yang telah diterima melalui Unit Urusetia Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Seberang Perai dari tahun 2007 hingga tahun 2012 berjumlah 6812 permohonan. Dari jumlah tersebut sebanyak 6305 (93%) permohonan telah dibuat keputusan dan baki 507 (7%) sedang dalam proses.

Daripada jumlah 6305, permohonan yang telah diluluskan adalah sebanyak 4136 (61%), 242 (4%) permohonan ditolak dan 1927 (28%) permohonan dibatalkan secara pentadbiran. Permohonan yang dibatalkan secara pentadbiran adalah bagi permohonan yang ditarik balik dan permohonan yang gagal mengemukakan tunai syarat serta melebihi tempoh piagam yang telah ditetapkan mengikut jenis permohonan.

17.4

MESYUARAT JAWATANKUASA OSC

Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang telah diadakan dalam tahun 2012 adalah sebanyak 24 kali mematuhi garispanduan yang telah ditetapkan oleh KPKT. Mesyuarat Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang DiPertua Majlis dan 30 ahli-ahli terdiri dari 4 orang Ahli Majlis, 2 orang Ahli Majlis Pemerhati dan 23 Jabatan / Agensi Teknikal yang telah dilantik.

Keputusan-keputusan yang telah dibuat dalam Jawatankuasa OSC bagi tahun 2012 telah dimaklumkan dalam Majlis Punuh sebanyak 12 kali.

**JADUAL BILANGAN MESYUARAT JAWATANKUASA OSC DAN
BILANGAN KERTAS MESYUARAT BAGI PERMOHONAN
PELAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN BANGUNAN
YANG TELAH DIBENTANGKAN MENGIKUT TAHUN DARI TAHUN 2007 - 2012**

BIL.	TAHUN	BILANGAN MESYUARAT JAWATANKUASA OSC	BIL. KERTAS MESYUARAT YANG DIBENTANGKAN		
			PKM	BGN	JUMLAH
1.	2007	11 (bermula Jun 2007)	68	39	107
2.	2008	22	130	82	212
3.	2009	23	185	82	267
4.	2010	23	244	86	330
5.	2011	24	360	245	605
6.	2012	24	318	476	794

JADUAL : 3

Jadual 3 menunjukkan bilangan mesyuarat yang telah diadakan dan bilangan permohonan Pelan Kebenaran Merancang serta Pelan Bangunan yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC. Jumlah permohonan yang dibentangkan bagi tahun 2012 menunjukkan peningkatan sebanyak 131% dari tahun 2011. Peningkatan jumlah ini merupakan satu pencapaian yang positif dan perlu diteruskan untuk tahun seterusnya.

OSC *Online* merupakan salah satu inisiatif baru yang telah dilancarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mewujudkan satu sistem untuk mengemukakan permohonan pembangunan tanah secara online.

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah ditawarkan untuk menyertai pelaksanaan OSC Online dalam fasa ketiga. Persetujuan untuk menerima pelaksanaan OSC Online telah dibuat melalui Aku Janji yang telah ditandatangani oleh Tuan YDP bertarikh 19 Mei 2010.

Lanjutan dari pada itu satu unit server telah dipasang di MPSP pada 29 September 2010. Pelancaran secara rasmi oleh Ketua Menteri Pulau Pinang telah diadakan pada 21 Oktober 2011.

Pada 30 April 2012 MPSP telah dilantik untuk program anak angkat OSC Online. Melalui program ini Unit OSC, MPSP akan menjadi rujukan penggunaan OSC Online bagi Zon Utara. Namun begitu jadual perlaksanaan program ini masih lagi belum ditetapkan.

LAWATAN KERJA OSC ONLINE KE MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH, MELAKA BANDAR BERSEJARAH

Pada 26 November 2012 Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengadakan lawatan kerja OSC Online ke Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG). Lawatan ini disertai oleh Unit OSC, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

Lawatan ini bertujuan bagi melihat pendekatan yang digunakan oleh MPAG untuk perlaksanaan OSC Online.



Paparan hadapan aplikasi OSC Online



4.5

Unit Bandar Selamat

- Mengumpul maklumat kawasan-kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi
- Merekod dan membuat kajian tentang kawasan-kawasan "Hotspots"
- Merancang dan mendapatkan peruntukan untuk melaksanakan Program Bandar Selamat dari Kerajaan Persekutuan
- Melaksanakan 15 langkah-langkah Bandar Selamat seperti berikut :

STRATEGI 1 : Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal.

Langkah 1 – **Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor**

Langkah 2 – Pelaksanaan reka bentuk persekitaran fizikal yang selamat

Langkah 3 – Pemetaan GIS jenayah dan program bandar selamat

STRATEGI 2 : Memperkasakan Kawasan Sasaran.

Langkah 4 – Penyediaan balai polis tetap atau bergerak

Langkah 5 – **Penyediaan cermin keselamatan**

Langkah 6 – Penyediaan papan tanda peringatan jenayah

Langkah 7 – **Penyediaan penggera keselamatan**

Langkah 8 – Penyediaan tempat motosikal berkunci

Langkah 9 – **Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di premis perniagaan dan tempat awam**

Langkah 10 – **Pencahayaan**

Langkah 11 - **Laluan awam tidak terlindung dari pandangan awam**

Langkah 12 - Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah dengan jenayah

STRATEGI 3 : Pengurusan, Penyertaan Komuniti Dan Kesedaran Awam.

Langkah 13 - Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti

Langkah 14 - Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan

Langkah 15 - Agenda Tetap dan Mesyuarat Majlis Penuh PBT

Catitan : **Tulisan yang digelapkan dilaksanakan di MPSP**

Laporan Statistik Program Bandar Selamat Tahun 2012

Kawasanm Hotspots	Jumlah Peruntukan	Kerja Tambahan	Proses Kerja
Jalan Raja Uda (Pakej A)	RM 361,200.00	RM 41,700.00	100%
Jalan Raja Uda (Pakej B)	RM 355,100.00	RM 69,870.00	100%
Mak Mandin	RM 386,950.00	RM 76,760.00	100%
Bandar Perda	RM 193,580.00	RM 45,848.00	100%
Jalan Rozhan	RM 193,580.00	RM 36,624.00	100%
Sg. Bakap	RM 216,200.00	-	95%
Jumlah	RM 1,929,130.00	RM 270,802.00	RM 2,199,932.00

4.6

Unit Pentadbiran

- Menyelenggara fail-fail permohonan dan fail am
- Merekod dan mengedar surat-menyerat
- Menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan keputusan permohonan
- Menyediakan dan mengawalselia inventori pejabat
- Menyemak dan mengumpul data kutipan hasil bayaran Proses Pelan
- Lain-lain tugas yang berkaitan dengan urusan kakitangan

Antara aktiviti yang telah dijalankan :-

MENYEMAK DAN MEREKOD HASIL BAYARAN PROSES PELAN

